


DAERAH HULU SELANGOR
SEBAGAI HUB AUTOMOTIF



MPHS

DARIPADA ANDA UNTUK ANDA

TAKAH PERCUMA

BIL. 2 #2023

MALAYSIA BOOK OF RECORD



Penganugerahan Dan Penghargaan

MALAYSIA BOOK OF RECORD

PBT PERTAMA

MENGANJURKAN SAMBUTAN

WORLD LANDSCAPE ARCHITECTURE MONTH

►►27

Tahniah



PENGIFTIRAFAN
5 BINTANG
PENILAIAN
SPB-PBT ►►19



Sila imbas untuk
versi digital

korporatmphs@gmail.com

03-6064 1331

www.mphs.gov.my

korporatmphsofficial



*Sekapur Sirih Seulas Pinang,
Dihidang Untuk Makan Bersama,
Kata Ditiup Pantun Dikarang,
Sebagai Pembuka Manis Bicara.*

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

وَاللهُ أَكْبَرُ

dan salam sejahtera

Salam Malaysia Madani dan Salam Kita Selangor.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah perkenan dan izin-Nya juga Buletin MPHS Bil. 2/2023 bagi sorotan aktiviti bulan Januari hingga Jun tahun 2023 berjaya diterbitkan.

Syabas dan tahniah kepada Ahli Sidang Redaksi Buletin MPHS atas komitmen yang dicurahkan di sepanjang proses menyiapkan buletin ini. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada seluruh warga MPHS yang turut membantu dalam menyumbangkan pengisian aktiviti sama ada secara langsung atau tidak langsung. Semoga segala informasi yang disediakan di dalam buletin ini dapat meningkatkan pengetahuan dan memberi manfaat kepada umum.

MPHS selaku Pihak Berkuasa Tempatan sentiasa berusaha gigih meningkatkan produktiviti serta meneruskan penambahbaikan sistem penyampaian kerajaan. InsyaAllah, hasil kerjasama dengan semua pihak yang berkepentingan akan menjadi teras kekuatan dan kewibawaan dalam memberikan perkhidmatan yang unggul kepada rakyat Daerah Hulu Selangor khususnya serta menjayakan visi dan misi Majlis Perbandaran Hulu Selangor sejajar dengan hasrat Kerajaan Negeri Selangor.

Akhir kata, marilah kita bersama-sama ke arah minda kelas pertama dengan menjadi modal insan yang mampu memenuhi keperluan pembangunan individu, keluarga, masyarakat, negara dan dunia.

**TUAN MOHD HASRY BIN NOR MOHD A.M.S
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR**

SIDANG REDAKSI

BULETIN MPHS BIL. 2/2023

PENAUNG Tuan Mohd Hasry Bin Nor Mohd A.M.S.
Yang Dipertua

PENASIHAT Tuan Awaluddin Bin Zakaria, A.M.S.
Setiausaha

KETUA PENGARANG Puan Junainah Binti Abdullah
Ketua Bahagian Korporat

PENGARANG Puan Rabiatul Adawiah Abdul Rahman • Puan Siti Khalijah Mahauddin

JURU FOTO Abdul Azim Bin Abu Bakar

DITERBITKAN OLEH Bahagian Korporat
Majlis Perbandaran Hulu Selangor, Jalan Bukit Kerajaan
44000 Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor.

Emel: korporatmphs@gmail.com | 03 6064 1331 samb. 121 & 252



K BULETIN MPHS BIL. 2/2023 ANDUNGAN

SEKAPUR SIREH

2

JANUARI


- | | |
|---|----|
| 1. MAJLIS ANGKAT SUMPAH MENERIMA JAWATAN AHLI MAJLIS, MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR BAGI PENGGAL 2023 | 6 |
| 2. LAWATAN KUNJUNGAN HORMAT TUAN PENGUSAHA DAERAH JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN HULU SELANGOR KE MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR | 6 |
| 3. BENGKEL KAJIAN SEMULA PELAN STRATEGIK 2019-2023 MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR | 7 |
| 4. MAJLIS PERHIMPUNAN PAGI, MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR | 7 |
| 5. PERTANDINGAN INOVASI MALA 2.0 | 9 |
| 6. BIG MATCH - PERLAWANAN PERSAHABATAN BOLASEPAK PENGURUSAN VS TEKNIKAL | 9 |
| 7. BENGKEL PERANCANGAN SASARAN KERJA TAHUNAN 2023 MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR | 10 |
| 8. SESI LIBAT URUS (TOWN HALL) DAN PENYEDIAAN GARIS PANDUAN PENGURUSAN PERNIAGAAN AKTIVITI PERKHEMahan NEGERI SELANGOR | 10 |
| 9. LAWATAN KE TAPAK PELUPUSAN SANITARI BUKIT TAGAR DAN TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL SUNGAI SABAI KALUMPANG | 11 |



8

FEBRUARI

- | | |
|--|----|
| 10. LAWATAN KERJA DAN PERKONGSIAN ILMU MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA KE MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR | 11 |
| 11. MAJLIS MINUM PETANG YDP MPHS BERSAMA WAKIL RAKYAT HULU SELANGOR 2023 | 12 |
| 12. MAJLIS PELANCARAN GERAN KHAS KOMUNITI MAMPAN MPHS 2.0 | 12 |
| 13. LAWATAN PEMERIKSAAN PANEL PENILAI ANUGERAH PENGURUSAN PEJABAT DAN PENTADBIRAN CEMERLANG (APPC) PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR TAHUN 2023 | 13 |
| 14. SESI PENG AUDITAN MS ISO/IEC 27001:2013 SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) | 13 |
| 15. KURSUS PENGURUSAN KONTRAK | 13 |



14

- | | |
|---|----|
| 16. SEKITAR JELAJAH SELANGOR PENYAYANG | 14 |
| 17. PROGRAM PEMERIKSAAN MATA BERSAMA PELAJAR JURUSAN OPTOMETRIST, MSU | 14 |
| 18. TAZKIRAH PERDANA | 15 |
| 19. SESI UJICUBA INFLATABLE BOAT DAN BASIKAL ELEKTRIK | 15 |
| 20. SESI TAKLIMAT BERSAMA KONTRAKTOR PANEL JABATAN LANDSKAP | 16 |
| 21. KUNJUNG HORMAT CEO SELANGOR FC KE MPHS | 16 |

3



K BULETIN MPHS BIL. 2/2023 KANDUNGAN

MAC

- | | |
|---|----|
| 22. MAJLIS APRESIASI JMB/MC
2022 | 17 |
| 23. TAKLIMAT PERTANDINGAN
REKABENTUK LANDSKAP
JALAN ORKID, BUKIT SENTOSA
2023 | 17 |
| 24. BENGKEL MYPERFORMANCE | 17 |
| 25. LAWATAN KERJA DAN SESI
TAKLIMAT SDG | 18 |
| 26. JOM DERMA DARAH SEMPENA
SAMBUTAN HARI WANITA | 18 |
| 27. MAJLIS BACAAN YASIN, TAHLIL
DAN TAZKIRAH PERDANA
AMBANG RAMADAN AL-
MUBARAK 1444 HIJRAH | 18 |
| 28. MAJLIS PERASMIAZ GARIS
PANDUAN PENDAFTARAN DAN
PELESENAN PERNIAGAAN
DALAM TALIAN NEGERI SELANGOR DAN PAMERAN PELESENAN PIHAK BERKUASA
TEMPATAN (PBT) SELANGOR | 20 |
| 29. KUNJUNGANAN HORMAT DELEGASI JABATAN BOMBA HULU SELANGOR | 20 |
| 30. ZIARAH RAMADHAN | 20 |
| 31. PELANCARAN APLIKASI MPHS GO | 21 |



19

PENGIFTIRAFAN ★★★★ PENILAIAN SISTEM PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN



APRIL

32. PROGRAM SUMBANGAN FOODSCAPING KEPADA PESERTA PROGRAM INDAH PERSEKITARAN (P.I.P) 2023	22
33. MPHS TERIMA JEMPUTAN DARIPADA SELANGOR YOUTH COMMUNITY	22
34. MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA KETUA-KETUA JABATAN DAERAH HULU SELANGOR	23
35. 15 KAKITANGAN MPHS TERIMA SUMBANGAN YDP MPHS	23
36. PROGRAM BAZAR RAMADHAN MAMPAN	24
37. BENGKEL KEFAHAMAN DAN FOCUS DISCUSSION GROUP (FDG) BAGI PENYEDIAAN LAPORAN HALA TUJU MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN (SDG) MPHS	24
38. PROGRAM MEMASAK BUBUR LAMBUK DAN JUADAHIFTAR AIDILFITRI KHAS UNTUK SEMUA KAKITANGAN MPHS	25
39. PERHIMPUNAN PAGI BULANAN MPHS	25
40. SEMINAR SEMPENA WORLD LANDSCAPE ARCHITECTURE MONTH (WLAM) YANG BERTEMAKAN "LANDSKAP LEGASI" DENGAN KERJASAMA ILMAM CENTRE OF EXCELLENT (ICE)	26
41. PENILAIAN DECO RAYA	26
42. MPHS CATAT NAMA DI DALAM MALAYSIA BOOK OF RECORDS SEBAGAI PBT PERTAMA MENGANJURKAN WLAM	27
43. LAPORAN MESYUARAT AGUNG KE-37 KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN MPHS	29



MEI

44. PENGHARGAAN PENYERTAAN HIASAN KECERIAAN AIDILFITRI	29
45. LAWATAN KERJA MPKS KE MPHS	29
46. OPERASI SITA ECRL	30
47. SUMBANGAN JKSA KEPADA MASJID HULU BERNAM	30
48. BENGKEL PEMANTAPAN PENGURUSAN RISIKO MS ISO 9001:2015, MPHS	30
49. KURSUS SWIFT WATER & FLOOD RESCUE (WHITE WATER RAFTING KUALA KUBU BHARU)	31
50. LAWATAN PERSATUAN PEMANDU PELANCONG SELANGOR (SGTGA)	31
51. PROGRAM PEMASANGAN LAMPU LED	31
52. KERJA KERJA PEMBAIKAN PADANG TAMAN AWAM HULU BERNAM	32
53. LAWATAN PEMANTAUAN BAS SMART SELANGOR	32



57. PROGRAM AHLI MAJLIS	36-37
58. KERATAN AKHBAR	38-39
59. LAPORAN ADUAN	40-41
60. DIREKTORI YANG DIPERTUA, SETIAUSAHA DAN PENGARAH/KETUA BAHAGIAN/UNIT	42-43

JUN

54. AUDIT SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS)	34
55. HULU SELANGOR ADVENTURE CHALLENGE (HSAC) 2023 DAN HULU SELANGOR ULTRA TRAIL (HSUT) 2023	34
56. HARI INOVASI MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR 2023	35

MAJLIS ANGKAT SUMPAH

JAWATAN AHLI MAJLIS, MPHS BAGI PENGGAL 2023

3 JANUARI 2023 • BILIK MESYUARAT CHILING, MPHS.



Ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Yang Berusaha Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Turut hadir ke majlis ini adalah Tuan Awaluddin bin Zakaria, Timbalan Yang Dipertua serta barisan Pengarah Jabatan/ Ketua Bahagian Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Seramai 23 orang Ahli Majlis telah mengangkat sumpah menerima jawatan termasuk Y.A.D Raja Dato' Muzaaffar bin Raja Redzwa, Orang Besar Daerah Hulu Selangor di hadapan Yang Berusaha Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Daripada jumlah tersebut, 11 orang merupakan muka baharu dan selebihnya adalah lantikan semula. Pelantikan semua Ahli Majlis ini bermula dari 3 Januari 2023 dan komponen parti siasah Ahli-Ahli Majlis adalah terdiri daripada Parti Keadilan Rakyat (PKR)-10 orang, Parti Tindakan Demokratik (DAP)-8 orang dan Parti AMANAH (AMANAH)-4 orang.

LAWATAN KUNJUNGAN HORMAT TUAN PENGUSA DAERAH JABATAN PENGAIRAN & SALIRAN HULU SELANGOR KE MPHS

4 JANUARI 2023 • BILIK TUAN YANG DIPERTUA MPHS. Majlis Perbandaran Hulu Selangor menerima kunjungan hormat dari Tuan Mohd Fahmi bin Johari, Pengusa Daerah Jabatan Pengairan dan Saliran Hulu Selangor yang mula bertugas pada awal tahun ini. Turut hadir bersama beliau adalah Encik Azroie bin Tasrip, Penolong Jurutera. Kunjungan hormat disambut oleh Yang Berusaha Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua Majlis Perbandaran

Hulu Selangor. Pertemuan ini merupakan sesi perkenalan di antara agensi Daerah yang sentiasa memerlukan kerjasama yang erat bagi memastikan kelangsungan pembangunan dan perkhidmatan diteruskan kepada rakyat di Daerah Hulu Selangor. Turut serta dalam pertemuan ini, Tuan Awaluddin bin Zakaria, Timbalan Yang Dipertua dan Encik Shaiful Rizza bin Haji Piamin, Pengarah Jabatan Perbendaharaan Majlis Perbandaran Hulu Selangor.



BENGKEL KAJIAN SEMULA PELAN STRATEGIK 2019-2023 MPHS

17 JANUARI 2023
HOTEL SERI PACIFIC, KUALA LUMPUR

Bengkel ini telah disertai oleh Tuan Awaluddin bin Zakaria dan semua Pengarah Jabatan/Ketua Bahagian. Bengkel bertujuan bagi membuat kajian semula terhadap Pelan Strategik 2019-2023 dan membuat pindaan terhadap strategik dan program. Pihak MPHS telah menjemput penceramah dari pihak MAMPU iaitu Encik Syed Ahmad Bashah bin Syed Anwar, Puan Norhanizatuazwin binti Samsuni dan Encik Siw Woo Kiong.



MAJLIS PERHIMPUNAN PAGI MPHS

17 JANUARI 2023 • DEWAN MERDEKA, KUALA KUBU BHARU.

Majlis Perhimpunan Pagi ini dihoskan oleh Jabatan Khidmat Pengurusan. Perjumpaan bersama warga kerja Majlis Perbandaran Hulu Selangor ini julung kali diadakan setelah sekian lama negara memasuki fasa endemik. Turut hadir ke majlis ini adalah Y.A.D Raja Dato' Muzaffar bin Raja Redzwa, Orang Besar Daerah Hulu Selangor, Tuan Awaluddin bin Zakaria, Timbalan Yang Dipertua, barisan Ahli Majlis serta barisan Pengarah Jabatan/Ketua Bahagian Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Antara intipati amanat dan perutusan yang telah disampaikan oleh Yang Berusaha Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua MPHS ialah tidak melakukan kerja sambil lewa dan sentiasa meningkatkan mutu hasil kerja dan sistem penyampaian ke arah yang lebih cemerlang, bersiap siaga dengan cabaran yang bakal mendarat dengan mengambil iktibar dengan apa yang berlaku sebelum ini, meneroka hasil-hasil baharu bagi meningkatkan pendapatan tahunan dan tidak bergantung pada hasil kutipan cukai sahaja, meningkatkan usaha dan berfikir secara luar kotak dalam meningkatkan mutu



perkhidmatan seiring dengan taraf perbandaran yang diperolehi, jadikan kecaman dan kritikan yang diterima sebagai pembakar semangat dalam meningkatkan perkhidmatan dan prestasi yang baik, bekerja dalam satu pasukan dan tanamkan semangat kekitaan dalam jabatan dan tidak lagi bekerja secara *work in silo*, tanamkan sikap integriti antara satu sama lain agar MPHS tidak dipandang rendah oleh orang luar, kerhsiaan sesuatu maklumat perlu dijaga agar tidak jatuh ke tangan pihak yang tidak bertanggungjawab dan perlu bersifat terbuka dengan teguran daripada pengurusan tertinggi atau ahli majlis agar sesuatu masalah dapat diatasi bersama. Dalam perhimpunan tersebut, Tuan Yang Dipertua telah melancarkan Whatsapp group rasmi kakitangan MPHS. Beliau turut menyempurnakan penyampaian penghargaan Pengurniaan Pingat Negeri Selangor kepada kakitangan dan penghargaan kepada pemenang-pemenang bagi pencapaian program-program inovasi bagi tahun 2022.



ROCK TO SUCCESS

HARI WARGA KERJA MPHS

14-15 Januari 2023 • ANCASA RESIDENCES, PORT DICKSON. Hari Warga Kerja Majlis Perbandaran Hulu Selangor bertemakan **Rock to Success** ini merupakan inisiatif Kelab Sukan dan Kebajikan (KSDK) dengan kerjasama Anulae Cawangan Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Program diadakan bertujuan untuk merapatkan hubungan silaturrahim di kalangan warga kerja MPHS. Program ini juga antara lain meraikan warga kerja yang telah sama-sama komited dan bertungkus lumus menjadi barisan hadapan dalam menghadapi cabaran dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat terutama ketika berdepan dengan pandemik Covid-19 dan bencana-bencana lain yang berlaku. Hampir **400** warga kerja yang mengambil bahagian dan lebih memberi erti ianya turut disertai oleh Yang Berusaha Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor, Tuan Awaluddin bin Zakaria, Timbalan Yang Dipertua serta barisan Pengarah Jabatan/Ketua Bahagian/Ketua Unit Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Tuan Yang Dipertua juga berkesempatan untuk beramah mesra dan berkenalan dengan warga kerja dengan lebih dekat melalui program yang diadakan seperti acara sukanaka dan malam persembahan.





17-19 JANUARI 2023 • KERAMAT MALL, KUALA LUMPUR.

69 inovasi yang dipertandingkan di Piala Inovasi Mala 2.0 Piala Menteri KPkt pada tahun ini. MPHS telah menghantar 2 kumpulan untuk dipertandingkan pada tahun ini iaitu **Kumpulan IT Crew** dimana ahlinya terdiri daripada kakitangan Bahagian Teknologi Maklumat, Bahagian Pusat Setempat (OSC) serta Bahagian Korporat dan juga **Kumpulan Gadengaden** daripada Jabatan Landskap. Semoga kumpulan daripada MPHS memperoleh kejayaan untuk layak bertanding di peringkat akhir pada Februari depan.



BIG MATCH

PERLAWANAN PERSAHABATAN BOLASEPAK PENGURUSAN VS TEKNIKAL

20 JANUARI 2023 • PADANG ECO GRANDEUR, PUNCAK ALAM.

Perlwanan Persahabatan Bolasepak di antara Jabatan Teknikal MPHS terdiri dari Jabatan Perancang Bandar MPHS, Jabatan Landskap MPHS, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Kawalan Bangunan dan Bahagian Pesuruhjaya Bangunan menentang Jabatan Pengurusan MPHS terdiri daripada Jabatan Perbendaharaan, Jabatan Khidmat Pengurusan, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Bahagian Teknologi Maklumat. Perlwanan ini diadakan bagi mengeratkan lagi ukhuwah di antara kakitangan MPHS. Turut hadir memberikan sokongan, Pengarah Jabatan Perancang TPr. Puan Azlina Binti Mokhtar, Pengarah Jabatan Penilaian Encik Amlie Bin Ismail dan Penolong Jurutera Kanan Encik Hisham Bin Husin. **Keputusan penuh menyaksikan Jabatan Teknikal MPHS telah berjaya menewaskan Jabatan Pengurusan MPHS dengan jaringan 4-2.**



BENGKEL PERANCANGAN SASARAN KERJA TAHUNAN 2023 MPHS

25-28 JANUARI 2023 • JOHOR PUTERI HARBOUR BY SHANGRI-LA.
Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk menyemak pencapaian sasaran kerja tahunan 2022 dan merancang sasaran kerja tahunan 2023.



SESI LIBAT URUS (TOWN HALL) DAN PENYEDIAAN GARIS PANDUAN PENGURUSAN PERNIAGAAN AKTIVITI PERKHEMAHAN NEGERI SELANGOR

29 JANUARI 2023 • DORSETT GRAND, SUBANG JAYA.

Satu sesi Town Hall bersama pemain industri kawasan perkhemahan telah diadakan di Dorsett Grand, Subang Jaya bagi mendapatkan input sebelum sesi bengkel bagi merangka garis panduan pembangunan kawasan perkhemahan dijalankan. Sesi Town Hall yang dirasmikan oleh Y.B Ng Sze Han, Exco Kerajaan Tempatan dan Pengangkutan Awam Negeri Selangor turut dihadiri oleh Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua, Majlis Perbandaran Hulu Selangor Bersama 16 wakil-wakil kementerian, jabatan, agensi, Pihak Berkusa Tempatan dan anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor.

Sesi ini turut melibatkan wakil Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan, Majlis Perbandaran Hulu Selangor, Jabatan Kerja Raya, PLANMalaysia@ Selangor, Jabatan Perhutanan, Pejabat Daerah dan Tanah Negeri Selangor dan Tourism Selangor Sdn Bhd dan Persatuan Perkhemahan serta wakil industri. Antara fokus bengkel yang akan dijalankan adalah merangka Garis Panduan bagi memberi kelulusan kepada premis-premis kawasan perkhemahan di Negeri Selangor.



LAWATAN KE TAPAK PELUPUSAN SANITARI DAN TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL

30 JANUARI 2023

TAPAK PELUPUSAN SANITARI BUKIT TAGAR DAN TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL
SUNGAI SABAI KALUMPANG

Delegasi dari Majlis Perbandaran Hulu Selangor yang diketuai oleh Yang Dipertua MPHS, Tuan Mohd Hasyr bin Nor Mohd, Tuan Timbalan Yang Dipertua, Tuan Awaluddin bin Zakaria, Ahli-Ahli Majlis, Pengarah-pengarah Jabatan MPHS dan kakitangan telah membuat lawatan ke Tapak Pelupusan Sanitari Bukit Tagar. Taklimat di tapak diberikan oleh Encik How Lim Sek, CEO Berjaya Enviroparks Sdn Bhd dan Encik Zainal Fikry bin Mohd Zain, GM Berjaya Enviroparks Sdn Bhd. Lawatan tapak turut dilaksanakan di premis kilang pengurusan bahan buangan terjadual, pengurusan gas metana, rawatan air kurasan dan yang terakhir di sel baru yang

akan dibuka di tapak pelupusan berkenaan. Lawatan seterusnya di Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Sungai Sabai yang diuruskan secara konsesi oleh Worldwide Holdings Berhad. Tapak pelupusan ini telah dinaiktaraf dari tapak pelupusan kategori *open dumpsite* kepada yang lebih teratur dan pengurusan yang lebih baik. Sesi taklimat telah diberikan oleh Encik Nor Haszma Mohd Hashim, Ketua Jabatan Operasi, Worldwide Holdings Berhad dan Tuan Hj. Rosli Ismail, Ketua Pegawai Operasi, Worldwide Holdings Berhad dan disusuli dengan lawatan di sekitar tapak pelupusan.



LAWATAN KERJA DAN PERKONGSIAN ILMU MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA (MPAJ) KE MPHS

9 FEBRUARI 2023 o IBU PEJABAT MPHS. Tujuan utama lawatan ini diadakan untuk mempelajari dan berkongsi amalan terbaik pengurusan kewangan dan cukai taksiran. Delegasi dari Majlis Perbandaran Ampang Jaya diketuai oleh Puan Julaiyah Binti Jamaludin, Setiausaha MPAJ bersama Ahli Majlis, Pengarah, Wakil Jabatan dan Bahagian dalam MPAJ. Delegasi telah disambut oleh Tuan Awaluddin Bin Zakaria, Timbalan Yang Dipertua MPHS dan Encik Shaiful Rizza Bin Hj Piamin, Pengarah

Jabatan Perbendaharaan MPHS. Perkongsian ilmu berkaitan Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan dan Cukai Taksiran telah disampaikan oleh Encik Shaiful Rizza Bin Hj Piamin, Pengarah Jabatan Perbendaharaan. Turut serta Pengarah dan Ketua Bahagian MPHS.



DARIPADA ANDA UNTUK ANDA

Majlis Minum Petang YDP MPHS BERSAMA WAKIL RAKYAT HULU SELANGOR 2023

10 FEBRUARI 2023 • TASIK KEBUN RESORT, SERENDAH. Perjumpaan ini dipengerusikan oleh Yang Dipertua MPHS, Mohd Hasry bin Nor Mohd dengan dihadiri oleh Ahli Parlimen Hulu Selangor, YB Tuan Haji Hasnizan Harun (PN), ADUN Kuala Kubu Bharu, YB Lee Kee Hiong (PH), ADUN Batang Kali, YB Tuan Harumaini Haji Omar (PEJUANG) dan ADUN Hulu Bernam, YB Datuk Rosni Sohar (BN). Turut hadir bersama pengarah-pengarah dan ketua jabatan MPHS.

Program santai petang sebegini diadakan bertujuan bagi membincangkan isu rakyat serta bertukar-tukar pandangan selain merapatkan ukhuwah di antara MPHS selaku Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di daerah ini bersama wakil rakyat demi untuk membangun dan memajukan daerah ini. Pelbagai isu dibincangkan demi untuk membangunkan daerah terutama usaha dalam sektor pelaburan, ekonomi, sosial dan pelancongan. Selain itu, isu aduan rakyat juga turut dibincangkan dan pihak Majlis mengambil maklum dan akan mengambil tindakan mengikut kuasa yang ditetapkan.

Walaupun berbeza dari segi pegangan politik, kehadiran kesemua wakil rakyat ini membuktikan mereka amat prihatin dengan isu rakyat dan ingin memastikan rakyat Hulu Selangor hidup dalam keadaan aman, harmoni dan selesa. Diharapkan dengan kerjasama yang baik di antara wakil rakyat dan PBT ini dapat menghasilkan 1 impak yang positif terhadap kemajuan daerah ini.

"Hasil pertemuan perbincangan ini diharapkan dapat menghasilkan natijah yang baik kepada rakyat dan pihak majlis selaku di pihak kerajaan telah dipertanggungjawabkan bagi menyelesaikan masalah-masalah yang berlaku bersama-sama pihak Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri."

Mohd Hasry bin Mohd Nor, YDP.



MAJLIS PELANCARAN GERAN KHAS KOMUNITI MAMPAN MPHS 2.0

13 Februari 2023 • MPHS. Majlis Perbandaran Hulu Selangor secara rasminya telah melancarkan Geran Khas Komuniti Mampan 2.0 Tahun 2023 dan telah disempurnakan oleh Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua MPHS. Turut hadir pada majlis itu, Tuan Awaluddin bin Zakaria, Timbalan Yang Dipertua, Pengarah Jabatan dan Ahli Majlis Perbandaran Hulu Selangor. MPHS telah menawarkan peruntukan sebanyak **RM120,000.00** bagi Geran Khas Komuniti Mampan 2.0 pada tahun 2023 berbanding tahun 2022 sebanyak RM100,000.00. Geran Khas ini ditawarkan khas untuk warga komuniti Daerah Hulu Selangor yang berminat dalam melaksanakan Projek / Program berkaitan Alam Sekitar dan Teknologi Hijau. Tarikh tutup bagi penyertaan ini adalah pada 31 Mac 2023 yang lalu. Yang Dipertua MPHS mengharapkan komuniti Hulu Selangor dapat merebut peluang ini agar projek dan program dapat dilaksanakan melalui geran yang ditawarkan ini.



LAWATAN PEMERIKSAAN PANEL PENILAI

ANUGERAH PENGURUSAN PEJABAT DAN PENTADBIRAN CEMERLANG (APPC) PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR 2023



14 FEBRUARI 2023 • IBU PEJABAT, MPH/S. Majlis Perbandaran Hulu Selangor telah menerima kunjungan 10 panel Penilai Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Penilaian melibatkan tiga komponen iaitu Komponen A: Pematuhan, Komponen B: Kualiti dan Komponen C: Perkhidmatan Teras(PBT). Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada panel penilai APPC, para pegawai dan kakitangan MPHS atas kerjasama serta komitmen sepanjang proses penilaian dijalankan.



SESI PENG AUDITAN MS ISO/IEC 27001:2013 SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS)



**16 FEBRUARI 2023
PEJABAT MPH/S**



KURSUS PENGURUSAN KONTRAK (EXTENSION OF TIME (E.O.T) & VARIATION OF PRICE (V.O.P))

16 FEBRUARI 2023 • DEWAN SEMINAR, PERPUSTAKAAN AWAM KUALA KUBU BHARU. Puan Nursyahidah dari Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Selangor selaku penceramah bagi kursus ini berkongsi matlamat dan kaedah pengurusan penggunaan interim bayaran, EOT dan VOP dari sudut dasar Perolehan Kerajaan dan Arahan Ketua Pengarah Kerja Raya yang terkini. Turut hadir Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan, Encik Mohd Norazif bin Ahmad Tamsis dan Ketua Bahagian Perolehan, Cik Norazimah binti Mohd Arshad dan disertai oleh beberapa Pegawai MPHS yang terlibat dalam pengurusan kontrak. Pihak Majlis sentiasa komited dan berharap dengan adanya penyampaian maklumat seperti

ini dapat membantu pegawai yang terlibat lebih memahami tatacara pengurusan kontrak dengan lebih efisien serta dapat membantu kontraktor/pembekal dalam menguruskan projek dengan lebih telus.



DARIPADA ANDA UNTUK ANDA



SEKITAR

Jelajah #KitaSelangor Penyayang

16 FEBRUARI 2023
OASIS, BATANG KALI.



PROGRAM PEMERIKSAAN MATA BERSAMA PELAJAR JURUSAN OPTOMETRIST, MSU

24 FEBRUARI • LOBI PEJABAT, MPHS. Program jalinan kerjasama antara pelajar MSU jurusan Optometrist dan MPHS ini dibuat untuk pemeriksaan mata dan pembekalan cermin mata baru kepada kakitangan MPHS tanpa perlu menggunakan duit mereka sendiri terlebih dahulu. Selain itu juga, pelantikan panel pembekalan cermin mata MSU boleh dibuat dalam kalangan kedai cermin mata yang terdapat di dalam daerah Hulu Selangor untuk memudahkan urusan pemeriksaan dan membuat cermin mata yang baru bagi warga kerja MPHS. Pihak MPHS juga menyeru agar MSU sebagai salah satu Institusi Pengajian Tinggi yang ternama agar terus meneroka peluang kerjasama dalam menarik taraf ekonomi peniaga tempatan khususnya di dalam Daerah Hulu Selangor



Tazkirah-Perdana



24 FEBRUARI 2023 • DEWAN MERDEKA, KUALA KUBU BHARU. Program anjuran MPHS dengan kerjasama Aman Palestin Malaysia Cawangan Kota Damansara ini telah disampaikan oleh Ustaz Mohd Zainudin bin Mohamed Zaini (PU Yeop) selaku duta Aman Palestin dan finalis Pencetus Ummah musim pertama. Program tazkirah ini bertujuan bagi menyampaikan hasrat kakitangan MPHS yang ingin menderma ke Tabung Aman Palestin sambil mengisi program dengan mendengar tazkirah. Turut hadir Tuan Mohd Hasyr bin Nor Mohd (Yang Dipertua) serta

Tuan Awaluddin bin Zakaria (Timbalan Yang Dipertua) bersama-sama kakitangan MPHS bagi mengimarahkan lagi program tazkirah tersebut. Tuan Mohd Hasyr bin Nor Mohd (Yang Dipertua) juga telah menyampaikan sumbangan kepada Tabung Aman Palestin Malaysia sebanyak RM2000 dan diharapkan dengan sumbangan tersebut dapat menjayakan usaha murni Tabung Aman Palestin Malaysia dalam misi bantuan kemanusiaan ke Palestin.



SESI UJICUBA **INFLATABLE BOAT** DAN **BASIKAL ELEKTRIK**



24 FEBRUARI 2023 • TASIK MILENIUM, KUALA KUBU BHARU

Pasukan Unit Pantas MPHS mengadakan sesi uji cuba yang melibatkan 6 anggota Unit Pantas, 1 unit *inflatable boat* serta enjin dan 1 unit basikal elektrik yang disumbangkan oleh Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan 1 unit *inflatable boat* beserta enjin yang dibeli oleh MPHS dalam persiapan jentera dan aset bagi persediaan menghadapi bencana banjir di Daerah Hulu Selangor. YBrs. Tuan Awaluddin bin Zakaria, Timbalan Yang Dipertua MPHS dan LAr. Mohd Fadhil bin Mohd Lani, Pengarah Jabatan Landskap turut hadir bagi menjayakan sesi uji cuba ini. MPHS merakamkan ucapan terima kasih kepada Dato' Seri Amirudin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor dan Kerajaan Negeri Selangor atas sumbangan ini. Kerajaan Negeri sentiasa memastikan semua agensi dan jabatan yang terlibat dalam memberi bantuan bencana di Negeri Selangor dalam keadaan siap siaga dari segi tenaga mahupun peralatan.

DARIPADA ANDA UNTUK ANDA

SESI TAKLIMAT BERSAMA KONTRAKTOR PANEL JABATAN LANDSKAP BAGI TAHUN 2023

27 FEBRUARI 2023 • DEWAN MERDEKA, KUALA KUBU BHARU. Satu sesi taklimat bersama kontraktor telah diadakan bertujuan untuk memberi penerangan secara dengan lebih jelas tentang tatacara pengisian borang tender/sebutharga yang telah dibeli secara atas talian. Pihak kontraktor juga telah diberi penerangan berkenaan syarat-syarat wajib yang perlu dipatuhi sekiranya berjaya dilantik untuk menjadi kontraktor panel bagi kerja-kerja cantasan dan penebangan pokok di bawah seliaan Jabatan Landskap MPHS. Sesi taklimat wajib ini telah disampaikan oleh Pengarah Jabatan Landskap MPHS, Lar. Mohd. Fadhil Bin Mohd. Lani dan Ketua Bahagian Perolehan MPHS, Cik Norazimah Binti Mohd. Arshad. Pihak jabatan berharap dengan penglibatan kontraktor yang hadir agar lebih proaktif dan efisien dalam memikul tanggungjawab yang telah diberikan kepada mereka.



KUNJUNG HORMAT CEO SELANGOR FC KE MPHIS



22 FEBRUARI
PEJABAT YDP, MPHIS.

YBrs Dr. Johan Kamal Hamidon, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Kelab Bola Sepak Selangor (Selangor FC) telah melakukan kunjung hormat kepada Tuan Mohd Hasry Nor Mohd, Yang Dipertua MPHS di Pejabat MPHIS. Kunjung hormat ini bertujuan untuk mengukuhkan jalinan kerjasama antara Selangor FC dan MPHIS dalam pembangunan sukan bola sepak di negeri ini serta manifestasi sokongan MPHIS terhadap pasukan Selangor FC. Selain itu, turut dibincangkan mengenai pembangunan kemudahan sukan bola sepak di daerah ini seperti pembinaan padang bola sepak sintetik bagi kegunaan penduduk Hulu Selangor. Kunjung hormat ini merupakan siri jelajah Pengurusan Selangor FC ke semua PBT di Negeri Selangor.



WHITE WATER RAFTING BERSAMA INFLUENCER SOSIAL MEDIA DARI KAZAKHSTAN DAN UZBEKISTAN

28 FEBRUARI 2023 • KUALA KUBU BHARU. MPHIS menerima kunjungan influencer (pempengaruh) media sosial dari Uzbekistan dan Kazakhstan yang hadir ke daerah ini bagi merasai keseronokan melakukan aktiviti White Water Rafting. Kehadiran influencer ini ke Malaysia selama 8 hari (21 Februari – 1 Mac 2023) adalah di bawah program *Familiarisation Trip From Commonwealth Independent State – Kazakhstan and Uzbekistan* dengan kerjasama *Tourism Malaysia Almaty*. Seramai 5 orang influencer telah dijemput iaitu 3 dari Uzbekistan dan 2 dari Kazakhstan yang mana pengikut-pengikut mereka secara keseluruhannya mencapai seramai 3.5 juta pengikut.

Program ini diadakan oleh *Tourism Malaysia* bertujuan untuk mempromosikan tempat-tempat pelancongan menarik di Malaysia kepada negara Asia Tengah dengan liputan secara langsung melalui platform media sosial influencer yang berasal dari negara berkenaan. Hulu Selangor merupakan destinasi terakhir setelah mereka dibawa melawat ke beberapa kawasan di beberapa buah negeri seperti di Putrajaya, Langkawi, Genting Highland, Kuala Lumpur dan Selangor. Sebagai sebuah daerah yang terkenal dengan destinasi pelancongan sukan lasak, mereka telah dibawa untuk merasai pengalaman melakukan aktiviti white water rafting di Kuala Kubu Bharu. Aktiviti yang bermula jam 10.00 pagi ini dimulakan dengan taklimat yang disampaikan oleh Encik Abdullah Piee (Mr. Pie) selaku Pengarah Operasi PieRose Swifter Sdn. Bhd. mengenai tatacara pengendalian dan keselamatan semasa aktiviti berlangsung. Seramai 18 peserta dari pelbagai agensi turut mengambil peluang untuk bersama-sama menjalankan aktiviti ini yang terdiri daripada beberapa agensi seperti Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Ibu Pejabat Polis Daerah, Kuala Kubu Bharu, Kelab Rekreasi Hulu Selangor, *Tourism Malaysia*, *Tourism Selangor* dan kakitangan MPHIS. Aktiviti yang berlangsung selama 3 jam ini diakhiri dengan jamuan makan sambil menikmati keindahan alam semulajadi sebelum mereka berangkat pulang ke negara masing-masing. Semoga inisiatif ini dapat menarik lebih ramai lagi pelancong untuk datang ke Daerah Hulu Selangor khususnya dan amnya Malaysia.



Majlis Anugerah JMB/MC 2022

MPHS, Pengarah-Pengarah Jabatan dan Ketua-Ketua Bahagian Pesuruhjaya Jawatankuasa Badan Pengurusan Bersama (JMB), Perbadanan Pengurusan (MC) dan Perbadanan Pengurusan (MC) dalam menguruskan dan menyenggara kawasan masing-masing berdasarkan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan di bawah Akta 757. Sistem pemarkahan dilaksanakan berdasarkan Penarafan Bintang Skim Pemajuan Bangunan Berstrata yang ditetapkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

ANUGERAH PENGURUSAN, PENYENGGARAAN DAN KEWANGAN TERBAIK



ANUGERAH KECEMERLANGAN PENGURUSAN STRATA ★★★★☆

- I. Pangsapuri Anggerik, Taman Bunga Raya
- II. Pangsapuri Seri Bakawali, Bukit Sentosa
- III. Pangsapuri Sri Anggerik III, Bukit Sentosa
- IV. Pangsapuri Tanjung, Bukit Beruntung
- V. Apartment Ria Genting Highlands
- VI. Pangsapuri Kenanga, Taman Bunga Raya
- VII. Pangsapuri Seri Tulip, Bukit Sentosa
- VIII. Pangsapuri Bourgenvilla, Taman Bunga Raya



Dalam sesi penyampaian tersebut, pihak MPHS turut merakamkan ucapan tahniah kepada JMB Pangsapuri Seri Bakawali, Bukit Sentosa kerana telah diiktiraf melalui **Sijil Malaysian Good Agricultural Practice (myGAP)** yang pertama di Selangor bagi kawasan pembangunan strata. Pengiktaranan ini diberikan oleh Jabatan Pertanian, Kementerian Pertanian dan Industri. Tanaman diaudit berpandukan **MS 1784:2005 Crop Commodities – Good Agricultural Practice**. Semoga JMB/MC di bawah pentadbiran Pesuruhjaya Bangunan MPHS terus maju ke hadapan bagi mengharumkan nama sehingga peringkat nasional.



TAKLIMAT PERTANDINGAN REKABENTUK LANDSKAP JALAN ORKID, BUKIT SENTOSA 2023



1 MAC 2023 • DEWAN KOMUNITI BUKIT SENTOSA. Taklimat telah disampaikan oleh Pengarah Jabatan Landskap MPHS, LAr. Mohd Fadhil Bin Mohd Lani berkaitan syarat pertandingan dan penerangan keadaan lokasi yang perlu direka oleh peserta-peserta yang menyertai program ini. Jalan Orkid, Bukit Sentosa merupakan lokasi yang telah dipilih oleh jabatan sebagai kawasan yang perlu direkabentuk oleh peserta berdasarkan syarat yang telah ditetapkan oleh pihak jabatan. Penyertaan ini adalah terbuka kepada seluruh institusi pengajian tinggi awam/swasta. **Pemenang pertandingan ini bakal menerima wang tunai bernilai RM1,000.00 berserta sijil.** Sesi taklimat ini telah dihadiri oleh beberapa wakil daripada institusi pengajian tinggi awam antaranya dari Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM).

BENGKEL MYPERFORMANCE



2 MAC 2023 • MERCURE HOTEL, SELAYANG. Bengkel diadakan dengan dihadiri oleh pengarah dan ketua setiap jabatan, bahagian dan unit dan diwakili oleh 2 orang wakil kifikat yang bertujuan memberikan kefahaman berkaitan SKU dan SUB SKU serta didekahkan cara penetapan SKU dengan mengenalpasti objektif penyampaian perkhidmatan jabatan, mengenalpasti petunjuk prestasi utama (KPI), menetapkan akauntabiliti dan juga menetapkan nilai sasaran tahunan.



DARIPADA ANDA UNTUK ANDA

LAWATAN KERJA DAN SESI TAKLIMAT SDG



7 MAC 2023 • TEMPLERS BALLROOM, SETIA ECO TEMPLER, RAWANG. Bengkel ini dilaksanakan dengan kerjasama pihak Urbanice Malaysia selaku perunding bagi penyediaan laporan ini. Seramai 110 Orang Peserta yang terdiri daripada Pengurusan Tertinggi MPHS, Ahli Majlis MPHS, Pengarah dan Ketua Bahagian MPHS, Kakitangan Sokongan MPHS, Agensi Kerajaan Peringkat Daerah dan Negeri, Wakil Komuniti dan NGO di Daerah Hulu Selangor.

Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan awal berkaitan Matlamat Pembangunan Mampan serta membina kapasiti tentang kemampuan bandar di peringkat komuniti dalam Daerah Hulu Selangor. Bengkel telah dikendalikan oleh

Pasukan Kerja Urbanice Malaysia yang diketuai oleh YBrs. Dr. Azmizam bin Abd Rashid, Timbalan Ketua Eksekutif Urbanice Malaysia.

Majlis Perasmian Penutup telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Mohd Hasyr bin Nor Mohd, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Turut hadir bersama pada bengkel ini Tuan Awaluddin bin Zakaria, Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor. MPHS berharap segala input yang diberikan oleh peserta pada bengkel ini dapat dijadikan permulaan dalam mempertingkatkan kerjasama dan perkhidmatan yang diberikan oleh semua agensi bagi mencapai sasaran Matlamat Pembangunan Mampan 2030.

Jom DERMA DARAH SEMPENA HARI WANITA

10 MAC 2023 • DEWAN MERDEKA, KUALA KUBU BHARU. ANULAE Cawangan Majlis Perbandaran Hulu Selangor telah mengadakan Program Derma Darah bersamaan Sambutan Hari Wanita 2023. Seramai 134 penderma hadir di dalam program derma darah bersama Pusat Darah Negara dan melebihi sasaran iaitu 120 penderma yang terdiri dari ahli ANULAE Cawangan MPHS, pegawai dari agensi kerajaan/swasta serta penduduk daerah Hulu Selangor. Sambutan Hari Wanita dimulakan dengan ucapan daripada Pengurus ANULAE Cawangan MPHS, Encik Mohd

Basir bin Desan. Gimik sambutan Hari Wanita acara memotong kek dan pulut kuning. Turut hadir meraikan Majlis Sambutan Hari Wanita ialah TPr. Azlina Mokhtar, Pengarah Perancang Bandar, Puan Saripah Bakar, Ahli Majlis MPHS, Pengarah/Ketua Bahagian, Ahli Jawatankuasa ANULAE MPHS, serta ahli ANULAE MPHS.



Majlis Bacaan Yasin, Tahil DAN Tazkirah Perdana

AMBANG RAMADAN AL-MUBARAK 1444 HIJRAH

10 MAC 2023 • KEDIAMAN RASMI YDP.

Majlis Bacaan Yasin, Tahil dan sesi Tazkirah Perdana yang bertajuk '**Persediaan Menyambut Bulan Ramadhan Al-Mubarak**' telah disampaikan oleh Ustaz Mohd Zainudin bin Mohamed Zain atau lebih dikenali PU Yeop. Majlis dihadiri oleh YBrs. Tuan Mohd Hasyr bin Nor Mohd, Yang Dipertua MPHS, YBrs. Tuan Awaluddin bin Zakaria, Timbalan Yang Dipertua MPHS, Pengarah-pengarah Jabatan, Ketua-ketua Bahagian dan warga kerja MPHS.



Majlis ini diadakan sebagai pengisian kerohanian dan untuk mengukuhkan tahap integriti warga kerja MPHS dalam melaksanakan tugas hakiki masing-masing. Diharapkan warga kerja MPHS dapat mempraktikkan dan mengamalkan ilmu yang telah disampaikan.



PENGIFTIRAFAN



PENILAIAN

SISTEM PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN



13 MAC 2023 • PUSAT KONVENTSYEN IPOH (ICC). Tahniah diucapkan kepada seluruh warga MPHS atas Pengiktirafan **5 Bintang** bagi Penilaian Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkusa Tempatan sebagaimana yang telah diumumkan dalam Konvensyen Pihak Berkusa Tempatan 2023 di Pusat Konvensyen Ipoh (ICC).

Konvensyen selama 2 hari itu menghimpunkan semua PBT seluruh Malaysia yang antara lain bertujuan menyediakan lapangan perbincangan merentasi sempadan Negeri untuk PBT menyuarakan pandangan dan idea secara konstruktif mengenai tanggungjawab PBT terhadap penduduk dan pemegang taruh, berdasarkan kepelbagaiannya pengurusan perkhidmatan perbandaran di kawasan pentadbiran PBT masing-masing; dan memberi peluang untuk perkongsian pengalaman berkaitan penyelesaian isu-isu perbandaran yang inovatif dan kreatif secara holistik melalui penglibatan pemain industri, ahli akademik, jabatan/agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) dalam sesi panel dan pembentangan yang direncanakan bagi konvensyen kali ini. Turut hadir, Yang Berhormat Tuan Nga Kor Ming, Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, Yang Dipertua,



YBrs. Tuan Mohd Hasry Nor Mohd, Timbalan Yang Dipertua, Tuan Awaluddin Zakaria, Ahli- Ahli Majlis dan Pengarah-Pengarah Jabatan.

Dalam majlis yang sama MPHS turut menerima Penghargaan bagi PBT Terbaik Perbandaran bagi Kategori Penyertaan Komuniti dan Pandangan Penduduk.

MPHS turut merakamkan jutaan terima kasih kepada seluruh warga penduduk Hulu Selangor yang sentiasa memberikan kerjasama yang baik, teguran dan maklumbalas yang membina dan sokongan yang padu terhadap program-program dan inisiatif yang dijalankan. Semoga kerjasama erat ini dapat diteruskan demi membangunkan Daerah Hulu Selangor.



MAJLIS PERASMIAN GARIS PANDUAN PENDAFTARAN DAN PELESENAN PERNIAGAAN DALAM TALIAN NEGERI SELANGOR DAN PAMERAN PELESENAN PIHK BERKUASA TEMPATAN (PBT) SELANGOR



16 MAC 2023 • BANGUNAN ANNEX, BANGUNAN DEWAN NEGERI

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB Tuan Ng Sze Han, Exco Kerajaan Tempatan dan Pengangkutan Awam Negeri Selangor. Turut hadir Yang Dipertua MPHS YBrs. Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Encik Kamaruzzaman bin Abdul Rahman, Pengarah Pelesenan dan warga Jabatan Pelesenan MPHS. Sijil telah disampaikan kepada penerima Lesen Perniagaan Dalam Talian bagi setiap PBT. Melalui pelaksanaan lesen dalam talian ini diharapkan akan dapat membantu usahawan mengembangkan serta merancakkan lagi perniagaan mereka.



KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI JABATAN BOMBA HULU SELANGOR



17 MAC 2023 • MPHS. Delegasi diketuai oleh Tuan Ahmad bin Muhamad Hasan (PgKB II, Ketua Zon Daerah Hulu Selangor), Tuan Kamil bin Hamadan (PPgB, Ketua Balai Bomba & Penyelamat Kuala Kubu Bharu), Tuan Mohd Azizi bin Mohd Nahrowei (PPgB, Ketua Balai Bomba & Penyelamat Bukit Sentosa) dan Puan Azliza binti Ahmad (PPgB, Pegawai Zon Daerah Hulu Selangor). Dalam pertemuan ini kedua-dua agensi bertukar-tukar pandangan mengenai kerjasama di Daerah Hulu Selangor.

Ziarah Ramadhan



18 MAC 2023 • Program ini diadakan bertujuan untuk memberi bantuan sumbangan kepada golongan yang memerlukan bagi membuat persiapan menyambut kedatangan bulan Ramadhan. Disamping itu, melalui program ini juga diharapkan dapat merapatkan hubungan silaturahim antara MPHS bersama masyarakat sekitar Hulu Selangor. Pemilihan penerima adalah dalam golongan mereka yang kurang berkemampuan seperti ibu tunggal, anak yatim dan lain-lain yang dirasakan layak berdasarkan hasil perhatian ahli majlis kawasan. Sumbangan hanya diberikan kepada penerima yang beragama Islam sahaja dalam menyambut kedatangan Bulan Ramadhan.

Terdapat 25 zon kawasan Ahli Majlis di Hulu Selangor dan sumbangan diserahkan oleh Ahli Majlis zon masing-masing. Seramai 15 penerima di setiap zon dan jumlah keseluruhan penerima adalah seramai 375 orang.



Penerima yang terpilih telah menerima vaucar Segi Fresh berjumlah RM100 daripada MPHS dan pihak Segi Fresh turut bekerjasama dalam program ini apabila turut menyumbang sos cili dan kurma kepada penerima.

Semoga Program Ziarah Ramadhan ini dapat mewujudkan suatu jaringan, hubungan yang utuh, kuat serta harmoni terutama dalam masyarakat setempat dan semoga program seperti ini akan dapat diteruskan lagi pada masa akan datang.

PELANCARAN APLIKASI **MPHS GO**

22 MAC 2023 o **MPHS**. Majlis Pelancaran telah disempurnakan oleh Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Turut hadir, Rakan Strategik, Encik Mohd Feroz bin Zainal daripada MPKK Kalong Tengah/Hilir serta Ahli-ahli Majlis, Majlis Perbandaran Hulu Selangor.

Aplikasi ini merupakan aplikasi one stop centre yang boleh digunakan oleh semua penduduk Hulu Selangor. Pengguna boleh menggunakan e-perkhidmatan MPHS yang tersedia di dalam aplikasi ini seperti aduan secara atas talian, pembayaran cukai taksiran serta lain-lain perkhidmatan MPHS.



Pengguna juga boleh menggunakan e-perkhidmatan agensi kerajaan yang lain serta boleh membuat panggilan kepada agensi yang berkaitan kerana di dalam aplikasi ini juga tersedia direktoriti secara *offline* serta lokasi pejabat agensi yang berkaitan. Aplikasi ini juga akan ditambah baik dari semasa ke semasa.

Pengguna Android boleh memuat turun aplikasi ini di *Google Play Store*. Bagi pengguna IOS, aplikasi ini akan dimasukkan di *Apple Apps Store* tidak lama lagi.

MAJLIS PENYERAHAN ENDOWMEN SEKOLAH KEBANGSAAN SG. CHOH

SEMBANG SAHUR

29-30 MAC 2023 o SK Sungai Choh, Rawang, Penglibatan Majlis Perbandaran Hulu Selangor di dalam program ini adalah bagi memperkenalkan dan menyampaikan manfaat Tabung Endowmen MPHS kepada masyarakat setempat secara siaran langsung melalui rancangan **Sembang Sahur bersama TV3**. Sumbangan yang dilaksanakan oleh Tabung Endowmen MPHS ialah bagi membantu yuran PIBG ke atas keluarga pelajar yang kurang berkemampuan. Matlamat penubuhan tabung ini adalah selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan atau dikenali sebagai *Sustainable Development Goals (SDG)*. MPHS memfokuskan 3 komponen di dalam SDG iaitu **SDG 1 : Tiada kemiskinan**, **SDG 2 : Kelaparan Sifar** dan **SDG 4 : Pendidikan Berkualiti**. Sejumlah RM3,500.00 yuran PIBG telah disumbang kepada PIBG Sekolah Kebangsaan Sungai Choh pada program berkenaan yang disampaikan oleh Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua MPHS kepada Encik Mohd Hafiz bin Maarof, YDP PIBG Sekolah Kebangsaan Sungai Choh. Secara keseluruhan, **18 buah sekolah** yang melibatkan **1,236**

orang pelajar sekitar Hulu Selangor yang akan menerima manfaat pembentukan yuran PIBG berjumlah **RM32,805.00** yang terdiri daripada pelbagai lapisan kaum dan agama. Turut hadir YBhg. Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Farid Ravi Abdullah, Rektor, Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) merangkap selaku Ahli Lembaga Pemegang Amanah Endowmen MPHS, Guru Besar SK Sungai Choh Puan Rosmahwati Safwan, Encik Muhammad Syafiq Zazali Ahli Majlis Kawasan Sungai Choh, Ahli-Ahli Majlis dan Pengarah Jabatan MPHS. Tabung ini menerima dana melalui sumbangan dari pelanggan MPHS (pembayar cukai), orang awam, syarikat dan badan-badan korporat, potongan gaji pekerja MPHS dan MPHS sendiri. Orang awam yang ingin menyumbang ke dalam tabung ini boleh menyalurkan sumbangan ke akaun Tabung Endowmen.

111000937057 (Bank Rakyat)



PROGRAM SUMBANGAN **FOODSCAPING** KEPADA PESERTA PROGRAM INDAH PERSEKITARAN (P.I.P) 2023

4 APRIL 2023 • DEWAN ORANG RAMAI BUKIT SENTOSA Program Sumbangan Foodscaping ini telah disempurnakan oleh Tuan Yang Di Pertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor, YBrs. Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd A.M.S. Majlis ini juga turut diserikan dengan kehadiran Orang Besar Daerah Hulu Selangor, Raja Dato' Muzaffar bin Raja Redzwa D.S.I.S. Hadir bersama, Barisan Ahli Majlis, Pengarah-pengarah Jabatan MPHS, Ketua-ketua Bahagian MPHS dan wakil-wakil persatuan penduduk. Sumbangan Foodscape ini adalah berbentuk bahan untuk membuat juadah bubur lambuk bersempena program yang di jalankan di dalam bulan Ramadhan Al Mubarak tahun ini. Antara bahan yang di berikan adalah bayam brazil, kacang botol, kangkung, daun kesum, batang keladi, cili dan air tebu. Sayuran dan minuman ini adalah hasil daripada 15 persatuan penduduk yang menyertai PIP yang mempunyai kawasan kebun komuniti. Pihak Jabatan Landskap MPHS berharap pada masa akan datang, penyertaan program seumpama ini dapat menambat minat masyarakat dalam menjalankan kehidupan yang sihat di samping boleh menjana hasil dan pendapatan tambahan.



MPHS TERIMA JEMPUTAN DARIPADA



4 APRIL 2023 • PERTUBUHAN KEBAJIKAN AR-RAHMANIAH TAMAN KERUING, RASA. Pihak MPHS telah menerima jemputan dari Selangor Youth Community (SAY) sebuah NGO yang ditubuhkan oleh D.Y.T.M Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj bagi bersama-sama mengikuti program **Ziarah Ramadhan**



2023 dan **Majlis Penyerahan Sumbangan** kepada Keluarga Asnaf serta Pusat Kebajikan. Turut hadir, D.Y.T.M Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, Y.A.M Tengku Datin Paduka Setia, Zatashah binti Sultan Sharafuddin Idris Shah, Y.A.D Dato' Raja Muzaffar Bin Raja Redzwa, Orang Besar Daerah Hulu Selangor, Pegawai Daerah Hulu Selangor, Tuan Mohamad Hanafe bin Basri, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor, YBrs. Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Ketua Polis Daerah Hulu Selangor, YDH. Supt. Ahmad Faizal bin Tahirin, wakil dari Jabatan Pembangunan Masyarakat, Majlis Perbandaran Hulu Selangor.



MAJLIS *Berbuka Puasa* BERSAMA KETUA KETUA JABATAN DAERAH HULU SELANGOR

5 APRIL 2023

DEWAN MERDEKA, KUALA KUBU BHARU

Lebih 26 Ketua Jabatan di Daerah Hulu Selangor telah hadir bagi menjayakan program ini dengan turut dihadiri barisan pengarah dan ketua jabatan MPHS. Majlis yang diadakan secara santai ini dianjurkan sebagai medium suai kenal antara barisan Pengurusan Tertinggi MPHS bersama Ketua-ketua Jabatan Daerah Hulu Selangor. Secara tidak langsung, program ini juga dapat dijadikan sebagai platform untuk membincangkan isu-isu semasa yang berlaku di daerah ini. Majlis ini diadakan sebagai medium untuk mengukuhkan hubungan dan kerjasama strategik antara Jabatan Daerah Hulu Selangor dan Majlis Perbandaran Hulu Selangor dalam membangun dan memajukan daerah ini. Program seumpama ini akan diteruskan lagi pada masa-masa akan datang dalam mewujudkan komunikasi 2 hala.



15 KAKITANGAN MPHS TERIMA SUMBANGAN YDP MPHS

5 APRIL 2023 • JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT, MPHS. MPHS telah mengadakan sesi penyerahan sumbangan kepada kakitangan MPHS bersempena **Program Ziarah Ramadhan 2023** dengan tujuan memberi bantuan sumbangan kepada golongan yang memerlukan bagi menjalani ibadah puasa di bulan ramadhan dan menyambut kedatangan aidilfitri. Selain itu, ianya juga dapat mengeratkan hubungan baik di antara Tuan Yang Dipertua sebagai majikan dengan kakitangan MPHS. Seramai 15 orang penerima dalam kalangan staff MPHS telah menerima sumbangan berbentuk vaucar berjumlah RM100 dan barang sampingan seperti kurma, kuih raya dan sos cili. Majlis telah disempurnakan oleh Tuan Mohd Hasry Nor Mohd, Yang Dipertua MPHS. Turut hadir Tuan Awaluddin bin Zakaria, Timbalan Yang Dipertua MPHS dan Puan Nurulhuda Ahmad binti Khairuddin, Ketua Jabatan Pembangunan Masyarakat, MPHS.



PROGRAM BAZAR RAMADHAN MAMPAH

5 APRIL 2023 • DEWAN MERDEKA, KUALA KUBU BHARU

Majlis yang telah dirasmikan oleh Yang Dipertua MPHS, YBrs. Tuan Mohd Hasyr bin Nor Mohd. Turut hadir, Encik Aminuddin bin Amenon (Ketua Pegawai Pembangunan Agro Bank), Encik Abdul Rahman bin Ahmad (Pengarah Wilayah Agro Bank) serta Puan Norfadilah binti Harun (Pengurus Cawangan Agro Bank). Di dalam program ini Tuan Mohd Hasyr bin Nor Mohd mengedarkan apron serta topi kepada semua peniaga bazar Ramadan. Konsep Bazar Ramadan Mampan ini masih menerapkan pembudayaan amalan kebersihan dan kesihatan kepada para peniaga selain membuka peluang kepada masyarakat untuk menjana pendapatan sepanjang bulan Ramadan selari dengan Matlamat SDG 8, iaitu pekerjaan yang sesuai dan pembangunan ekonomi. Selain itu, Kupon Rahmah Bazar Ramadan sebanyak RM5 juga telah diberikan kepada 400 pengunjung yang terawal. Pihak Agro Bank juga turut mengagihkan bubur lambuk kepada pengunjung bazar.



BENGKEL KEFAHAMAN DAN **FOCUS GROUP DISCUSSION (FGD)** BAGI PENYEDIAAN LAPORAN HALA TUJU **MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAH (SDG) MPHS**

13 APRIL 2023

TEMPLERS BALLROOM, SETIA ECO TEMPLER, RAWANG.

Bengkel ini dilaksanakan dengan kerjasama pihak Urbanice Malaysia selaku perunding bagi penyediaan laporan ini. Seramai 110 Orang peserta yang terdiri daripada Pengurusan Tertinggi MPHS, Ahli Majlis MPHS, Pengarah dan Ketua Bahagian MPHS, Kakitangan Sokongan MPHS, Agensi Kerajaan Peringkat Daerah dan Negeri, Wakil Komuniti dan NGO di Daerah Hulu Selangor.

Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan awal berkaitan Matlamat Pembangunan Mampan serta membina kapasiti tentang kemampuan bandar di peringkat komuniti dalam Daerah Hulu Selangor. Bengkel telah dikendalikan oleh Pasukan Kerja Urbanice Malaysia yang diketuai oleh YBrs. Dr. Azmizam bin Abd Rashid, Timbalan Ketua Eksekutif Urbanice Malaysia.

Majlis Perasmian Penutup telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Mohd Hasyr bin Nor Mohd, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu



Selangor. Turut hadir bersama pada bengkel ini Tuan Awaluddin bin Zakaria, Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor. MPHS berharap segala input yang diberikan oleh peserta pada bengkel ini dapat dijadikan permulaan dalam mempertingkatkan kerjasama dan perkhidmatan yang diberikan oleh semua agensi bagi mencapai sasaran Matlamat Pembangunan Mampan 2030.



PROGRAM MEMASAK BUBUR LAMBUK DAN JUADAHIFTAR AIDILFITRI



14 APRIL 2023
PERKARANGAN PARKIR KENDERAAN PEJABAT, MPHS.

Program ini disertai seramai 30 orang ahli KSDK dan juga ahli ANÜLAE yang telah bergotong-royong memasak bubur lambuk, merenah sup tulang lembu, memasak nasi impit dan kuah kacang bagi juadah khas Iftar Aidilfitri untuk semua kakitangan MPHS.



PERHIMPUNAN PAGI BULANAN MPHS



14 APRIL 2023 • MPHS.

Perhimpunan Pagi Bulanan MPHS yang telah dihoskan oleh Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta. Perhimpunan turut dihadiri oleh Yang Dipertua, YBrs. Tuan Mohd Hasry Nor Mohd, Orang Besar Daerah, Yang Amat Dihormati Raja Muzaffar Raja Redzwa, Ahli-Ahli Majlis dan Pengarah Jabatan. Dalam ucapan beliau, Yang Dipertua mengucapkan terima kasih kepada semua warga kerja dari semua peringkat yang telah bertungkus lumus dalam memberikan perkhidmatan terbaik sekaligus menaikkan imej MPHS. Untuk rekod, MPHS telah dinobatkan sebagai **PBT Perbandaran Terbaik** bagi Kategori Pandangan Penduduk dan



Penglibatan Komuniti serta diiktiraf **PBT 5 Bintang** dan **PBT ke 15** dari 153 PBT di Malaysia. Yang Dipertua mengharapkan semua warga kerja dapat terus memberikan komitmen dan hasil kerja yang lebih baik selaras dengan Misi perkhidmatan MPHS. Yang Dipertua, turut menyampaikan kuih raya kepada semua kakitangan dan Ahli Majlis sempena sambutan Hari Lebaran yang bakal tiba.

SEMINAR SEMPENA WORLD LANDSCAPE ARCHITECTURE MONTH (WLAM) BERTEMAKAN "LANDSKAP LEGASI" DENGAN KERJASAMA ILAM CENTRE OF EXCELLENT (ICE)

15 APRIL 2023 • BUKIT BERUNTUNG GOLF & COUNTRY RESORT, RAWANG. MPHS menerusi Jabatan Landskap telah menganjurkan Seminar sempena World Landscape Architecture Month (WLAM) yang bertemakan "Landscape Legasi" dengan kerjasama ILAM Centre of Excellent (ICE). Seminar yang menjurus kepada perkongsian ilmu dan talk session ini telah dirasmikan oleh YB Ng Sze Han, Exco Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Kampung Baru. Turut hadir bersama Mohd Hasry Nor Mohd, Yang Dipertua MPHS, YAD Raja Dato' Muzaffar Raja Redza, Orang Besar Daerah Hulu Selangor, Roslee Abdullah, Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara, Prof. LAr. Dr. Nor Atiah Ismail, Presiden Institut Arkitek Landskap Malaysia (ILAM), LAr. Dr. Badrulzaman Jaafar, Pengurus Persatuan Arkitek Landskap Malaysia Awam, Mohd Zailani Jamil, Presiden Persatuan Arborist Malaysia, Siti Hajar Johor, Senior Record Consultant Malaysia Book of Records dan Tuan Awaluddin Zakaria, Timbalan yang Dipertua MPHS. 2 topik yang dibincangkan di dalam seminar tersebut iaitu **Landscape Legasi dan Generasi Baru & Cabaran**. Seminar disertai oleh perundung landskap, pemaju, arborist, kontraktor tempatan, pengaruh serta wakil jabatan MPHS, Pensyarah dan pelajar daripada Universiti Putra Malaysia, Universiti Islam Antarabangsa, Universiti Teknologi Mara serta Universiti Sultan Idris dan persatuan penduduk. Setelah selesai sesi seminar, Majlis diteruskan dengan penyampaian hadiah pemenang bagi Program Indah Persekuturan (PIP) 2022. Bagi **kategori perumahan**, **Perumahan Desa Melor, Serendah telah dinobatkan sebagai pemenang** yang berjaya membawa pulang hadiah berjumlah **RM15,000.00** manakala tempat kedua dimenangi oleh Perumahan Desa Anggerik, Serendah dengan hadiah RM6,000.00 dan di ikuti oleh Perumahan Jalan Inai, Bukit Beruntung dengan hadiah RM5,000.00. Bagi **kategori bangunan bertingkat dimenangi oleh Pangaspuri Seri Bakawali, Bukit Sentosa** dengan hadiah bernilai **RM15,000.00** dan tempat kedua dimenangi oleh Pangaspuri Anggerik, Taman Bunga Raya dengan hadiah RM6,000.00. Di dalam majlis yang sama, MPHS turut melancarkan Program Indah Persekuturan (PIP) bagi tahun 2023 yang disempurnakan oleh oleh Tuan Awaludin Zakaria, Timbalan Yang Dipertua MPHS diiringi oleh LAr. Mohd Fadhil Mohd Lani, Pengarah Jabatan Landskap MPHS. Tempoh pertandingan bermula 1 Mei 2023 sehingga 1 November 2023.



Penilaian *Deko Raya*

17 APRIL 2023 • MPHS

Pertandingan Keceriaan Aidilfitri Sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2023 dianjurkan oleh Jawatankuasa Induk 5S Majlis Perbandaran Hulu Selangor bagi memperkuatkukan semangat kekitaan dan keseragaman tanpa menolak atau meninggalkan elemen 5S dalam aktiviti hiasan tersebut. Objektif utama pertandingan ini adalah untuk mewujudkan suasana Hari Raya Aidilfitri dengan hiasan dekorasi yang kreatif dan inovatif serta mewujudkan sikap kerjasama dan toleransi antara kakitangan dalam mengekalkan elemen keseragaman dalam menghiasi pejabat mahupun di setiap zon. Penilaian bagi pertandingan ini telah diadili oleh tiga orang panel yang terdiri daripada Ahli Majlis iaitu Puan Saripah binti Bakar, Encik Chinniah a/l Subramanian dan Cik Wong Sheau Mei. 15 zon yang telah menyertai dalam pertandingan ini dan 5 zon telah memenangi hadiah wang tunai.

Tempat Pertama : Zon Sakura (RM 500)

Tempat Kedua : Zon Belladonna (RM 400)

Tempat Ketiga : Zon Mawar (RM 300)

Tempat Keempat : Zon Adenium (RM 150)

Tempat Kelima : Zon Lavender (RM 150)



MPHS CATAT NAMA DI DALAM *MALAYSIA BOOK OF RECORDS* SEBAGAI PBT PERTAMA MENGANJURKAN WLAM

15 APRIL 2023 • BUKIT BERUNTUNG GOLF & COUNTRY RESORT RAWANG.
MPHS menempa nama di dalam *Malaysia Book of Records (MBOR)* di atas kejayaan menganjurkan sambutan *World Landscape Architecture Month (WLAM)* setiap tahun tanpa gagal sejak mula dilaksanakan pada 3 April 2016. Pengiktirafan ini diperoleh menerusi kategori "Living World & Nature" sebagai PBT pertama yang menganjurkan sambutan WLAM dalam menguatkuasakan dasar **Malaysia Negara Taman** sebagai menyokong hasrat mantan Perdana Menteri ketika itu (Tun Dr Mahathir bin Mohamad). Dato' Lar. Ismail bin Ngah, Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara ketika itu, selaku individu pertama diberi mandat dalam memastikan dasar tersebut terlaksana dan Malaysia menyambut Hari Landskap Negara pada 3 April setiap tahun.



Majlis penyerahan sijil penghargaan *of Records* telah diadakan bersempena Seminar Bulan Senibina Landskap Sedunia (WLAM) yang disampaikan oleh Puan Siti Hajar Johor, Senior Record Consultant MBOR kepada Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua MPHS dengan disaksikan oleh YB Tuan Ng Sze Han, Exco Kerajaan Pembangunan Kampung Baru. Tuan Yang Dipertua MPHS turut berkata "Pengiktirafan ini merupakan satu pencapaian yang baik oleh pihak MPHS dan sebagai satu pemangkin semangat pihak kami melalui **Jabatan Landskap MPHS** dalam menganjurkan program ini pada masa akan datang dalam mengangkat dan memartabatkan landskap. WLAM adalah satu program antarabangsa yang dianjurkan oleh American Society of Landscape Architect (ASLA) dianjurkan bersama International Federation of Landscape Architects (IFLA) yang diadakan sepanjang bulan April setiap tahun."



Tahun ini merupakan kali ketujuh diadakan dan sambutan kali telah dihadiri oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor dan merasmikan majlis pelancaran tersebut pada 1 April 2023 yang lalu. Di dalam majlis yang sama MPHS turut melancarkan **Majlis Perbandaran Hulu Selangor Landscape Blueprint 2035 (HSLaBP)** yang pertama. Blueprint ini akan digunakan sebagai garis panduan landskap dalam Daerah Hulu Selangor yang lengkap bagi membangunkan taman-taman awam selari dengan kepesatan pembangunan dan kapadatan penduduk dalam daerah ini.



RUMAH TERRBUKA

Jelajah #KitaSelangor DAERAH HULU SELANGOR

Aidilfitri



29 APRIL 2023 • PADANG AWAM HULU BERNAM

Rumah Terbuka Jelajah #KitaSelangor Aidilfitri Daerah Hulu Selangor telah berlangsung dengan jayanya apabila dibanjiri dengan lebih 10,000 pengunjung. Hulu Selangor merupakan lokasi kedua siri jelajah ini setelah Daerah Sepang yang diserikan dengan kehadiran YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor dan isteri Datin Seri Masdiana binti Muhamad. Turut hadir YB Dato' Haj



Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, YBrs. Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd , Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor, YBrs. Tuan Mohamad Hanafe bin Basri, Pegawai Daerah Hulu Selangor, Ahli Dewan Negeri Hulu Bernam, Datuk Rosni Sohar, Y.A.D Dato' Raja Muzafer bin Raja Redzwa, Orang Besar Daerah Hulu Selangor, Ketua-Ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan Pegawai-Pegawai Kanan Negeri Selangor.Terdapat lebih 30 gerai yang diwakili oleh pelbagai agensi di Daerah Hulu Selangor ini yang menghidangkan pelbagai jenis juadah antaranya kambing bakar,



sate, ayam bakar madu, lemang rendang, mi goreng, kuih-muih, air balang dan banyak lagi. Para pengunjung turut dihiburkan dengan persembahan artis jemputan Jay Jay dan Iman Troye serta tarian dan persembahan dari Anggun Gemersik Tari, Pelajar Sekolah Menengah Taman Bunga Raya, Bukit Beruntung.

MPHS mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Majlis MPHS, warga kerja dan semua Jabatan, Agensi dan Pejabat DUN yang terlibat dalam menjayakan program ini. Tidak lupa juga kepada semua warga Hulu Selangor kerana hadir memeriahkan Rumah Terbuka Jelajah #KitaSelangor Aidilfitri. Selamat Hari Raya Aidilfitri Maaf Zahir dan Batin.



LAPORAN MESYUARAT AGUNG KE-37 KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN MPHS



19 APRIL 2023 • DEWAN MERDEKA, KUALA KUBU BHARU

Program ini telah dihadiri seramai 311 orang yang terdiri daripada Ahli Majlis dan kakitangan MPHS merangkap ahli Kelab Sukan Dan Kebajikan (KSDK). Kehadiran jemputan dan pendaftaran ahli kelab dilakukan secara atas talian dengan bertujuan untuk menyemak kehadiran ahli bagi menyediakan laporan minit mesyuarat agung pada tahun hadapan untuk dihantar ke Pejabat Pendaftaran Pertubuhan (ROS). Program diserikan dengan ucapan alu-aluan oleh YBrs. Encik Kamruzzaman bin Abdul Rahman, Yang

Dipertua KSDK. Beliau menyatakan rasa syukur dan mengucapkan terima kasih kepada ahli kelab yang telah meluangkan masa menjalankan tanggungjawab sebagai ahli kelab dengan menghadiri dan menyertai mesyuarat agung tersebut. Seterusnya, ucapan perasmian oleh Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, A.M.S., Yang Dipertua MPHS merangkap Penaung KSDK MPHS. Beliau mengharapkan tahun 2023 KSDK MPHS akan terus menjalankan pelbagai aktiviti yang lebih memberikan impak serta memberikan kebaikan kepada semua pihak termasuk kepada pelanggan MPHS. Beliau juga mengharapkan agar setiap ahli KSDK MPHS dapat memainkan peranan masing-masing dengan semangat penuh toleransi, saling hormat-menghormati untuk bekerja sebagai satu pasukan. Program diteruskan dengan penyampaian cenderahati kepada Tuan Yang Dipertua MPHS. Mesyuarat agung dimulakan dengan mengesahkan minit mesyuarat kali yang ke-36, membentangkan laporan biro-biro bagi tahun 2022 serta membentangkan laporan kewangan yang berakhir 31 Disember 2022.

PENGHARGAAN PENYERTAAN HIASAN KECERIAAN AIDILFITRI

9 MEI 2023 • MPHS.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor, Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, A.M.S. dan Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor, Tuan Awaluddin bin Zakaria, A.M.S. telah menyampaikan hamper kepada semua zon yang telah menyertai dalam Pertandingan Keceriaan Aidilfitri Sempena Sambutan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2023 yang telah diadakan pada 5-17 April 2023 yang lalu. Ia sebagai tanda penghargaan dan memupuk lagi semangat Kerjasama antara zon yang telah menunjukkan prestasi dan hasil penyertaan yang hebat.



LAWATAN KERJA MPKS KE MPHS

18 MEI 2023 • DEWAN MESYUARAT CHILING, MPHS. Tujuan lawatan ini adalah bagi mempelajari dan perkongsian ilmu pengetahuan berkaitan Tatacara Kerja di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133). Lawatan daripada Majlis Perbandaran Kuala Selangor ini terdiri daripada Ahli Majlis Jabatan Bangunan dan Jabatan Penguatkuasaan MPKS yang diketuai oleh Ts. Faezah binti Abd. Aziz. Ucapan alu-aluan telah disampaikan oleh Tuan Awaluddin bin Zakaria, Timbalan



Yang Dipertua MPHS. Ucapan balas telah disampaikan oleh Ts. Faezah binti Abd. Aziz mewakili delegasi MPKS. Seterusnya, taklimat perkongsian ilmu pengetahuan tersebut telah disampaikan oleh Encik Md Rizal bin Mohd Sofian @ Abd Karim, Pengarah Jabatan Bangunan MPHS seperti memproses permohonan pelan bangunan, menyediakan cadangan pelan rekabentuk untuk projek Majlis dan tindakan penguatkuasaan di kawasan Daerah Hulu Selangor. Di akhir lawatan, ahli rombongan Majlis Perbandaran Kuala Selangor dibawa melawat Look Out Point Empangan Selangor dan The Stick, Kuala Kubu Bharu.

OPERASI SITA ECRL

18 MEI 2023 • BERHAMPIRAN DESA ANGGERIK DAN DESA MELOR, SERENDAH. Majlis Perbandaran Hulu Selangor telah mengadakan operasi bersepadu di kawasan tapak projek pembinaan laluan East Cost Rail Link (ECRL) yang didapati melakukan kerja-kerja tanah tanpa kebenaran pihak MPHS. Operasi disertai seramai 37 anggota yang terdiri daripada beberapa jabatan dalaman Majlis Perbandaran Hulu Selangor dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) Cawangan Serendah.

Semasa tiba di lokasi, anggota operasi mendapati kerja-kerja masih lagi diteruskan walaupun Notis Henti Kerja (SWO) untuk memberhentikan segala aktiviti di kedua-dua tapak berkenaan telah dikeluarkan dan diserahkan kepada pengusaha tapak projek ECRL pada 8 dan 10 Mei yang lalu. Antara aktiviti yang dilakukan di tapak adalah seperti mengorek,



memotong tanah, membina bangunan tapak perkhemahan pekerja baru dan pembinaan muka terowong exit Serendah di kawasan belakang Desa Anggerik. Bagi memastikan tiada lagi kerja-kerja tanah dilakukan di lokasi berkenaan, pihak majlis telah memasang pita kuning di laluan utama ke tapak pembinaan sehingga pihak syarikat mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak Majlis. Selain itu, sebanyak 11 unit jentera/kenderaan telah disita oleh Majlis dalam operasi tersebut. Tindakan telah diambil tertakluk di bawah seksyen 70(A)(1) dan seksyen 70(A)(11), Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) kerana pihak syarikat telah melaksanakan kerja-kerja tanah tanpa kebenaran dan gagal mematuhi arahan MPHS untuk menghentikan kerja-kerja tanah di kedua-dua kawasan berkenaan. Operasi ini juga adalah susulan daripada aduan yang diterima MPHS penduduk sekitar tapak pembinaan yang terkesan dengan aktiviti pembinaan berikutnya dari keluar masuk lori dan jentera yang menyebabkan kacau ganggu kepada aktiviti harian penduduk.

SUMBANGAN JKSA KEPADA MASJID HULU BERNAM



22 MEI 2023 • MASJID AR-RAHMAN. Majlis Perbandaran Hulu Selangor berbesar hati menyampaikan sumbangan kepada Masjid Ar-Rahman, Hulu Bernam atas kerjasama dan komitmen dalam menjayakan pelaksanaan Rumah Terbuka Jelajah #Kitaselangor Aidilfitri Daerah Hulu Selangor yang lalu. Penyampaian sumbangan bernilai RM 2,000 berbentuk *mock cheque* berserta cenderamata telah disempurnakan oleh Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua MPHS kepada kepada Encik Mared bin Naman, Timbalan Nazir Masjid Ar-Rahman, Hulu Bernam. Turut hadir Encik Shaiful Rizza bin Haji Piamin, Pengarah Jabatan Perbendaharaan MPHS, Encik Mohd Norazif bin Ahmad Tamsis, Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan MPHS, Encik Muhammad Azrul Nizam bin Mohd Azizi, Pengarah Jabatan Penguatkuasaan MPHS, Puan Junainah binti Abdullah, Ketua Bahagian Korporat MPHS. Turut hadir, wakil Ahli Majlis Encik Abdul Mun'im bin Roslin.

BENGKEL PEMANTAPAN PENGURUSAN RISIKO MS ISO 9001: 2015



31 MEI 2023 • MPHS. Bengkel Ini telah diadakan dengan Khidmat Rundingan SIRIM STS S.B. Bengkel ini disertai oleh Tuan Awauluddin bin Zakaria, Timbalan Yang Dipertua, Pengarah Jabatan/Ketua Bahagian, Pengurus Risiko MS ISO dan Penolong Ketua Dokumentasi MS ISO 9001:2015. Tujuan bengkel adalah untuk memberikan taklimat pendedahan berkaitan Standard MS ISO 9001:2015 terutamanya risk based kepada Pengurusan Tertinggi, Pengarah Jabatan/Ketua Bahagian dan Penolong Ketua Dokumentasi MS ISO 9001:2015;

- Menyemak semula Pelan Pengurusan Risiko MS ISO 9001:2015, MPHS;
- Menyemak pelan Tindakan Pelan Pengurusan Risiko MS ISO 9001:2015 Jabatan/Bahagian;
- Mengenalpasti risiko-risiko dan peluang yang meliputi semua proses kerja di MPHS selaras dengan skop pensijilan 'Perkhidmatan Perbandaran'.

KURSUS **SWIFT WATER & FLOOD RESCUE** **(WHITE WATER RAFTING KUALA KUBU BHARU)**



24-25 MEI 2023 • KEM BINA SEMANGAT KUALA KUBU BHARU. Kursus ini telah dikendalikan oleh International Search and Rescue Alliance (ISARA) selaku badan yang dilantik oleh MPHS bagi memberi taklimat dan latihan keselamatan kepada operator-operator rafting di Daerah Hulu Selangor. Hal ini bagi memastikan setiap operator rafting di daerah ini mempunyai kompetensi menyelamat mangsa dalam situasi kecemasan ketika menjalankan aktiviti white water rafting. Pengajian kursus ini juga sebagai salah satu garis panduan dalam melengkapkan Prosedur Standard Operasi (SOP) di bawah Program Pemurnian Pelancongan Negeri Selangor (P3S) bagi aktiviti sukan lasak daerah Hulu Selangor. Secara tidak langsung, ianya juga dapat memberi nilai tambah kepada pihak operator dalam memberi keyakinan kepada pelanggan/peserta dalam menjalankan aktiviti white water rafting di Hulu Selangor. Seramai 23 orang peserta telah terlibat dalam kursus sesi pertama ini yang terdiri daripada 8 operator. Di dalam kursus ini, peserta perlu mempelajari teori dan juga praktikal dalam mengendalikan situasi kecemasan yang diadakan di Sungai Selangor, Kuala Kubu Bharu. Majlis Pembukaan telah dirasmikan oleh Mohd Hasry Nor Mohd, Yang Dipertua MPHS dengan dihadiri bersama Tuan Awaluddin Zakaria, Timbalan Yang Dipertua MPHS dan Nurulhuda Ahmad Khairuddin, Ketua Jabatan Pembangunan Masyarakat MPHS.

LAWATAN PERSATUAN PEMANDU PELANCONG SELANGOR (SGTGA)



24 MEI 2023 • KUALA KUBU BHARU. Delegasi dari Persatuan Pemandu Pelancongan Selangor yang terdiri daripada 51 orang telah melawat ke beberapa kawasan menarik dan bersejarah di sekitar Bandar Kuala Kubu Bharu. Antara lokasi yang dilawati ialah Stesen Keretapi, Galeri Seni Sejarah, Kuala Kubu Heritage Trail, Lorong-Ilorong seni, Taman Tasik Milenium dan Anjung Tinjau Empangan Sungai Selangor. Delegasi turut diberikan taklimat dan penerangan berkenaan aktiviti-aktiviti sukan lasak, rekreasi dan pelancongan yang terdapat di Daerah Hulu Selangor. Turut hadir Timbalan Yang Dipertua MPHS, Tuan Awaluddin Zakaria, Ahli- Ahli Majlis MPHS. Delegasi yang diketuai oleh Raja Mazlan selaku Pengurus Persatuan.



PROGRAM **PEMASANGAN LAMPU LED**

31 MEI 2023 • DEWAN MERDEKA KUALA KUBU BHARU. Program yang dianjurkan oleh Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB) Majlis Perbandaran Hulu Selangor ini telah dihadiri oleh seramai 50 orang anggota-anggota jawatankuasa dan wakil-wakil daripada Badan Pengurusan Bersama (JMB)/Perbadanan Pengurusan (MC) dalam kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Hulu Selangor. Penganjuran program ini adalah bertujuan untuk menyediakan platform bagi kempen pemasangan lampu LED dalam kawasan pemajuan berstrata dengan langkah mempertemukan pihak anggota-anggota jawatankuasa JMB/MC dengan pihak syarikat pelaksana yang telah dilantik oleh Kerajaan Negeri Selangor di bawah Inisiatif Bangunan Hijau Negeri Selangor iaitu Synergy Esco (M) Sdn Bhd. Cik Raygelah Siva, Pengurus Pembangunan Perniagaan daripada Synergy Esco (M) Sdn Bhd telah menyampaikan taklimat berserta demonstrasi penggunaan tenaga lampu LEF dan sesi soal jawab bersama para peserta yang hadir. Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB) Majlis Perbandaran Hulu Selangor berharap agar penganjuran program ini akan dapat memberikan kefahaman berkaitan program ini kepada pihak JMB/MC seterusnya akan dapat merealisasikan sasaran Kerajaan Negeri Selangor dalam pelaksanaan Inisiatif Bangunan Hijau Negeri Selangor.



KERJA-KERJA PEMBAIKAN PADANG TAMAN AWAM HULU BERNAM



15 MEI 2023 • PADANG AWAM HULU BERNAM. Jabatan Landskap, Majlis Perbandaran Hulu Selangor melaksanakan kerja-kerja pembaikan padang di Taman Awam Hulu Bernam. Kerja-kerja pembaikan padang bertujuan untuk membaiki padang yang rosak. Tempoh kerja dilaksanakan mengambil masa 3 minggu, bermula tarikh 15 Mei 2023 dijangka siap pada 4 Jun 2023. Pihak Majlis Perbandaran Hulu Selangor memohon maaf atas kesulitan para pengguna Taman Awam Hulu Bernam. Sebarang pertanyaan boleh berhubung terus dengan Jabatan Landskap MPHS di talian 03-6064 1726 atau e-mel di landskap@mphs.gov.my.

LAWATAN PEMANTAUAN BAS SMART SELANGOR



24 MEI 2023

MPHS telah membuat pemantauan terhadap bas-bas yang dibekalkan bagi perkhidmatan Bas Smart Selangor dari jam 10.30 pagi dan selesai jam 1.00 petang. Teguran telah dibuat kepada operator bas bagi beberapa perkara yang perlu ditambah baik oleh pihak operator bas. Selain itu, temubual turut dibuat terhadap penumpang bas berkenaan perkhidmatan Bas Smart Selangor yang telah disediakan sejak tahun 2016. Terdapat beberapa cadangan baru yang telah dikenalpasti untuk diambilkira dalam cadangan penambahan perkhidmatan bagi tahun 2024. Pemantauan turut dibuat kepada penumpang terhadap penggunaan *Scan to Ride*. *Scan to Ride* adalah diwajibkan kepada semua pengguna Bas Smart Selangor kecuali pelajar sekolah, warga emas dan Orang Kelainan Upaya (OKU).

Sebarang pertanyaan berkaitan Bas Smart Selangor, boleh hubungi Jabatan Perancang Bandar, MPHS di talian 03-60641331 sambungan 123.



APC 2022

26 MEI 2023 • SETIA ECO TEMPLER, RAWANG

Majlis bertemakan songket ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Beliau menyempurnakan penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2022 kepada **34** orang penerima yang terdiri daripada pelbagai skim perkhidmatan dan gred jawatan telah dipilih oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia MPHS.

Pada majlis itu turut disampaikan Penghargaan Jasamu Dikenang kepada lapan orang penerima yang bersara wajib atau pilihan. Penghargaan Belasungkawa diberikan kepada waris kepada seorang kakitangan yang telah meninggal dunia dalam tempoh perkhidmatan. Anugerah Perkhidmatan Setia (25 Tahun Perkhidmatan) kepada enam orang penerima sebagai mengiktiraf kesetiaan dan sumbangan pegawai dan kakitangan yang terus berbakti kepada MPHS. Seterusnya Anugerah Khas Yang Dipertua diberikan kepada seorang kakitangan MPHS.



AUDIT SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS)

2 JUN 2023 • IBU PEJABAT, MPHS. MPHS telah berjaya memperolehi Sijil MS ISO/IEC 27001:2013 Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS). Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) merupakan suatu pendekatan yang bersistematik dan berstruktur di dalam pengurusan maklumat. Objektif ISMS dilaksanakan adalah untuk mengurus dan melindungi keselamatan maklumat selaras dengan keperluan dan ekspektasi pemegang taruh. Ia menekankan kepada konsep atau prinsip keselamatan maklumat iaitu pemeliharaan kerahsiaan, integriti dan kebolehsediaan. Sesi Pembukaan dan Penutupan Audit telah dipengerusikan oleh Timbalan Yang Dipertua MPHS merangkap Pengerusi Projek ISMS, YBrs. Tuan Awaluddin Zakaria, A.M.S. Turut hadir Encik Shaiful Rizza bin Haji Piamin, Timbalan Setiausaha MPHS, Encik Mohamad Ramdan bin Ibrahim, Ketua



Bahagian Teknologi Maklumat merangkap Pengurus Projek ISMS, Pengarah-Pengarah Jabatan, Audit Dalam serta Ahli Jawatankuasa ISMS. Audit yang dijalankan selama dua hari ini diketuai oleh Puan Efizan binti Zamri selaku Ketua Audit SIRIM dan dibantu oleh Puan Sazlin binti Alias serta Encik Azran bin Mohammad Ridzuan juga Juruaudit SIRIM. Dalam sesi audit yang dijalankan, hanya 1 NCR Minor direkodkan. Syabas dan tahniah kepada semua warga MPHS terutama Bahagian Teknologi Maklumat yang terlibat dalam memastikan keperluan audit dapat dipenuhi. MPHS sentiasa memastikan budaya kerja cemerlang terus di utamakan dan dilaksanakan.



HSUT HULU SELANGOR ULTRA TRAIL

10 & 11 JUN 2023
TAMAN TASIK MILENIUM,
KUALA KUBU BHARU

HSUT
HULU SELANGOR ULTRA TRAIL

Maglis Perbandaran Hulu Selangor dengan kerjasama Pinnacle Sports menganjurkan dua aktiviti sukan lasak iaitu *Hulu Selangor Adventure Challenge (HSAC) 2023* dan *Hulu Selangor Ultra Trail (HSUT) 2023* pada 10 dan 11 Jun 2023 bertempat di Taman Milenium, Kuala Kubu Bharu. *Hulu Selangor Adventure Challenge (HSAC) 2023* direka sebagai perlumbaan pengenalan kepada sukan *Adventure Racing (AR)* dan penganjuran kali ini sebagai persediaan kepada *A1 World Series 2024*. Perlumbaan ini menggabungkan kayuhan *mountain bikes (MTB)*, larian denai, orienteering dan cabaran fizikal lain seperti sukan air. *Hulu Selangor Ultra Trail (HSUT) 2023* ialah larian denai yang merupakan acara tahunan diadakan di Kuala Kubu Bharu. HSUT 2023 terbahagi kepada empat kategori yang merentasi pergunungan Hulu Selangor iaitu 55km Ultra Trail, 25km Scott Vertical Challenge, 12km Double Trouble, 5km Dash.

Penganjuran program ini bertujuan sebagai salah satu promosi dalam memperkenalkan Hulu Selangor sebagai kawasan eko pelancongan sukan lasak dan secara tidak langsung boleh menarik lebih ramai pelancong luar untuk datang ke daerah ini. Program ini mendapat sokongan dan kerjasama daripada Kementerian Pelancongan dan Seni Budaya Malaysia dan Kerajaan Negeri Selangor. Turut hadir menyempurnakan penyampaian hadiah adalah Yang Berhormat



HSAC HULU SELANGOR ADVENTURE CHALLENGE



Tuan Hee Loy Sian, Exco Pelancongan, Alam Sekitar dan Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli, Datuk Mohd Zamri bin Mat Zain, Timbalan Ketua Setiausaha (Pelancongan), Kementerian Pelancongan dan Seni Budaya Malaysia, Tuan Mohd Hasry bin Nor Mohd, Yang Dipertua MPHS, Tuan Awaluddin bin Zakaria, Timbalan Yang Dipertua

MPHS, Ahli- Ahli Majlis MPHS serta Pengarah- Pengarah Jabatan MPHS. Ramai turut hadir memeriahkan program dengan pelbagai aktiviti menarik yang disediakan kepada pengunjung yang hadir seperti Jom Makan Durian, face painting, booth game, jualan barang outdoor dan suppa duppa.



HARI **INOVASI** MPHS 2023



14 JUN 2023 • DEWAN MERDEKA, KUALA KUBU BHARU. Sambutan Hari Inovasi Peringkat Majlis Perbandaran Hulu Selangor 2023 telah menyaksikan sebanyak 13 penyertaan dari pelbagai Jabatan MPHS telah dipertandingkan pada tahun ini.

Sesi penilaian dijalankan oleh tiga orang panel penilai iaitu, Encik Hussein bin Mohd Ariff, Pengerusi Malaysian Association of Creativity & Innovation (MACRI), Encik Tc. Norhisham bin Mamat@Zakaria, Penolong Jurutera (Teknikal), Bahagian Khidmat Pengurusan SUK Selangor dan Puan Dayang Noor Asmara Abang Othman, Pensyarah Kanan Unit Sistem Komputer dan Rangkaian Kolej Komuniti Hulu Selangor.

Pemenang tempat pertama hingga kesepuluh akan menerima Wang Tunai serta sijil penyertaan manakala tempat kesebelas dan seterusnya akan menerima sijil penyertaan. Tahniah diucapkan kepada semua peserta dan pemenang. MPHS sentiasa menggalakkan warga kerja untuk bergiat aktif dalam penciptaan inovasi sebagai satu solusi dan penambahbaikan dalam proses kerja seterusnya meningkatkan mutu perkhidmatan kepada pelanggan.



STRATECH
BUILDING MANAGEMENT SYSTEM (BUS)



SYAZYAH
MPHS GO 2.0



V EMPIRE
LIFT & GO (L&M)



DARIPADA ANDA UNTUK ANDA

PROGRAM AHLI MAJLIS BERSAMA RAKYAT

PUAN HAYATI BINTI CHAT



16 MAC 2023 • ZOO NEGARA. Program Kembara Cuti Sekolah Bersama Ahli Majlis Mphs Zon 21.



20 MAC 2023 • SKTBR 2, BUKIT BERUNTUNG. Program Back To School. Serahan alat tulis kepada 150 murid pra sekolah.



19 APRIL 2023 • SETIAWI GROUP, BUKIT SENTOSA. Program Sumbangan Bantuan Hari Raya Aidilfitri 2023. Anjuran Ahli Majlis Bersama Pemaju Setiaawi Sdn Bhd Dengan Kerjasama Pejabat Pusat Khidmat Masyarakat DUN Batang Kali Seramai 70 Penerima Sumbangan.

ENCIK SYED HIDAYAT BIN SYED HASSAN



29 JANUARI 2023 • SESAMA CAFE, KUALA KUBU BHARU.

Taklimat Suruhanjaya Koperasi Malaysia Bersama MPKK Ampang Pecah Dan Komuniti Kuala Kubu Bharu.

11 FEBRUARI 2023 • ALOR LEMPAH, AMPANG PECAH. Gotong-Royong Alor Lempah Bersama MPKK Ampang Pecah, IKBN Dan KRT.

11 FEBRUARI 2023 • TAMAN REKREASI, AMPANG PECAH. Sambutan Hari Ponggal 2023 Hindu Sangam.



11 MAC 2023 • BALAIRAYA, AMPANG PECAH. Edaran Beg sekolah dan potong rambut pelajar sempena PROGAM Back to School 2023.



19 MAC 2023 • BALAIRAYA, BUKIT BUJANG. Ziarah Ramadhan 2023.



19 MAC 2023 • SEKITAR, BUKIT BUJANG. Gotong-ropong sekitar Bukit Bujang bagi menyambut Ramadhan 2023.



1 APRIL 2023 • BALAIRAYA, BUKIT BUJANG. Rewang bubur lambuk Ramadhan 2023 bersama MPKK Ampang Pecah dan KRT Bukit Bujang.



1 APRIL 2023 • SURAU SAUDATUS SALAM, BUKIT BUJANG. Iftar 2023 bersama komuniti Surau, MPKK dan KRT.



3-7 & 10-14 APRIL 2023 • PUSAT KHIDMAT DUN KUALA KUBU BHARU. Edaran Juadah Berbuka Puasa Sepanjang Minggu Pertama Ramadhan 2023.



14 APRIL 2023 • PORT MANCING HULU YAM. Iftar Ramadhan 2023 bersama Wakil Komuniti Ampang Pecah & Kuala Kubu Bharu.



16 MEI 2023 • TAMAN MILENIUM. Malam Budaya 2023 Bersama Belia Kuala Kubu Bharu.



20 MEI 2023 • PUSAT KHIDMAT DUN TAMAN GAMELAN. Jamuan Jalinan Mesra Aidilfitri 2023.

PUAN WONG SHEAU MEI




8 MAC 2023
Program Hari Wanita.



16 MEI 2023
Program Sambutan Hari Guru 2023.





K

ERATAN AKHBAR

JANUARI - JUN 2023

04 4.1.2023 星期三 | 州政 | 大都會 | 版面

烏雪市議員11新面孔

公正黨大換血 80%新兵

報道/攝影：林浩敏

（烏雪21日讯）2023年1月10日，烏雪市議會選舉，11名新面孔上場，其中10人是公正黨，惟惟一席非公黨代表，即一名原任市議員改投國陣。新面孔占了大半數，其中80%，更是兩派未來的接班人，將會在下一屆市議會成爲影響力核心。

在烏雪公正黨票站，陳明和主導兩派十多年的陳成志，以及接班人，大馬人民黨的林家輝，都出席了投票，並在投票後，林家輝和朋友一起到投票站門口，只見他从一开始就笑逐顏開，直到投票完畢，才露出滿足的笑容，並說：「要不是大馬人民黨，我可能還沒有機會當上市議員。」

王勝利盼有智慧執行任務

市議會主席團成員及多個委員會委員會，都是由新面孔擔任，惟惟一席非公黨代表，即一名原任市議員改投國陣。新面孔占了大半數，其中80%，更是兩派未來的接班人，將會在下一屆市議會成爲影響力核心。

劉明君領新舊市議員

解決民困 助希盟續執政

（烏雪21日讯）烏雪市議會選舉，各人在茶會上合照。左排左二是哈魯芝尼、羅斯麗、哈斯尼占和李維秀；右排最者四是王勝利。（巫肇生提供）

烏雪市會與代議士茶聚
針對時事民生進行交流

（烏雪21日讯）为了共同为民间谋利，乌雪各县人民代议员受邀与乌雪市议会各组主任共享茶点，大家齐聚一堂针对时事和民生事项进行交流。

市议会主席王胜利在欢迎词中指出，市议会将与各组主任会后，告诉《大都会》社长记者，国家甚至是雪州政府有了微妙变化，过去强调的是夸张的情绪和角度有所不同。

出席茶会的人民代议员包括来自国盟伊党雪州国会议员哈斯尼占、希盟行动党的方云丹议员、李维秀、刘明君、罗斯丽、哈鲁芝尼、哈斯尼占，以及因为长期从政所以来，刚被首相政府空缺议席的组保3主任李文发。

吁言，针对乌雪县的招商、中小型经济、旅游业和社会问题集思广益，进行深度交流。

“当，市议会各组官员向人民代议员汇报我们执行任务时的情况，他们各抒己见，提出建议，希望他们能接替人民代议时，能根据更广泛的处理问题。”

出席茶会的人民代议员包括来自国盟伊党雪州国会议员哈斯尼占、希盟行动党的方云丹议员、李维秀、刘明君、罗斯丽、哈鲁芝尼、哈斯尼占，以及因为长期从政所以来，刚被首相政府空缺议席的组保3主任李文发。

**Bengkel punca pencemaran sungai**

Hulu Selangor: Bengkel kali benderaan di Taman Kusso, berdekatan Kampong Kosok, Sungai Buaya, selakat sini distrubo Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) Selasa lalu, selepas eloknya menjadi punca pencemaran.

MPHS berkata, operasi pengurusan dilakukan bersama agensi berkaitan bagi menyelesaikan isu terburat yang mana semasa 15 anggota operasi yang ter-

babit terdiri daripada MOPRS (oil, Lenburg Urs Air Selangor (rs), Pejabat Daerah dan Tanah Hulu, selepas eloknya menjadi punca pencemaran.

“Pihak Luas memberikan motif kesadaran penambakan sungai yang dilaksanakan di Selangor,” katanya.

Memerlukan kerja operasi tumpukan bahan sisa terjauh minyak hidrolik/minyak bitumen yang ditumpuk dengan diktar semula tidak dengan kadar segara ke kontraktor berlesen dan tidak dilaksanakan dalam tempoh ditentukan,” katanya.

**非法肥料廠被取締****充公機器促廠主現身**

（烏雪24日讯）行动党一新肥料厂的多名员工进入丛林



该厂趁着非法工厂大门打开，让一辆拖车驶入时，当场施压充公令状，内有多名员工突然冲出来，声称自己是正工，要求停止驱逐，并且要求厂主出来正面对质，警方和接警处派出的宪警道阻截。

行动党主席王胜利在劝说行动党后，告诉《大都会》社区报记者，该厂虽设于人口密集的地带，因西区遭从林霏木包围，因此在视觉上有“消失”的需要。

“鉴于工厂四通八达，基本上只建有铁幕和铁门，所以肥料所散发出的臭味会随风飘送到附近的居民，引起投诉。”

此次行动的另一主要目的是杜绝对工厂厂房，制造更多我们掌控的各村长向题。

他说，约有20人参与了这场场执行行动，由议会主席王胜利亲自率队，由议员拿督莫哈末沙烈带领游行队伍前往，接着在附近道路旁。

“两名为该厂负责处理肥料产品的承包商



Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) Mohd Hasy Nor Mohd (kanan) melancarkan aplikasi MPHS Go di ibu pejabat MPHS pada 22 Mac 2023. Foto Facebook MPHS

PBT SELANGOR

MPHS lancar aplikasi pusat sehenti, boleh akses pelbagai khidmat

by Zareef Muzammil | March 23, 2023 11:52 am



Yang Dipertua MPHS Mohd Hasy Nor Mohd (dua kanan) menyampaikan sumbangan Tabung Endow kepada YDP Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIB) Mohd Hafiz Maarof di Sekolah Kebangsaan Sungai Choh pada 29 Mac 2023. Foto FACEBOOK MPHS

PBT SELANGOR

MPHS manfaat tabung wa sumbang lebih RM30,000 kepada 18 sekolah

by Sheeda Fathil | April 2, 2023 11:20 am



Wakil Malaysia Book of Record (MBOR) Siti Hajar Johor menyampaikan sijil pengiktirafan kepada EXCO Kerajaan Tempatan Ng Sze Han sambil disaksikan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) Mohd Hasy Nor Mohd sempena majlis perasmian Seminar Bulan Senibina Landskap Sedunia (WLAM) di Bukit Beruntung Golf & Country Club pada 15 April 2023. Foto Facebook MPHS

PBT SELANGOR

MPHS terima pengiktirafan, cipta nama dalam Malaysia Book of Record

© April 16, 2023 3:05 pm

Bengkel selenggara bas cemar sungai diserbu

SHAH ALAM - Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) mengesahkan sebuah bengkel selenggara bas di Jalan Sungai Buaya, Rawang disyaki berpotensi mencemarkan sungai dan operasi Loji Rawatan Air (LRA) di kawasan itu pada Selasa.

Exco Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli Selangor, Hee Loy Sian berkata, bengkel itu diserbu LUAS bersama agensi kerajaan lain.

Menurutnya, hasil serbuan itu menemukan tumpahan minyak hitam di premis tersebut.

"Pemeriksaan membawa kepada pemerluan enam tong minyak dan tumpahan yang bersiksi mencemarkan Sungai Serendah dan operasi LRA Rantau Panjang pada jarak 20 kilometer," katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Loy Sian menegaskan, Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah mengeluarkan arahan kepada pemilik bengkel itu untuk membuat tindakan kawalan dan pelupusan ke atas buangan terjadual minyak hitam terpakai.

Jelasnya, tindakan itu perlu dimaklumkan kepada jabatan tersebut dalam tempoh tiga hari.

Ujarnya, Notis 425 (1) Kanun Tanah Negara 1965 turut diberikan atas kesalahan menduduki tanah kerajaan (meletakkan basi) tanpa kebenaran.

"Premis berkenaan juga diajar segera membuat pembersihan secara menyeluruh di kawasan tersebut," tambahnya.

Sehubungan itu, katanya, LUAS bersama agensi berkaitan akan menjalankan pemantauan secara berterusan di lokasi berkenaan.

"Kita juga akan pastikan segala arahan dan tindakan yang dikenakan ke atas premis tersebut dipatuhi," katanya.



Kedua-dua gambar ini menunjukkan aktiviti pengeluaran bas cemar di Sungai Buaya.

PBT SELANGOR
MPHS bersihkan tapak sampah haram, pelaku berdepan tindakan tegas

Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam MPHS dengan kerjasama KDEBWM membersihkan lokasi pembuangan sampah haram di Jalan Pahang Lama Kuala Kubu Bharu, Hulu Selangor pada 24 Jun 2023. Foto Facebook Majlis Perbandaran Hulu Selangor

selangorkini



PBT SELANGOR
Lebih 400 pengiat sukan lasak serta dua acara di Hulu Selangor pada 10, 11 Jun

© June 9, 2023 9:30 am



Oleh AMIRUL FAZLI

SHAH ALAM, 9 JUN: Lebih 400 peserta mengambil bahagian dalam dua acara larian sukan lasak anjuran Majlis Perbandaran Hulu

NEWS



selangorkini



selangorkini



selangorkini



PBT SELANGOR
MPHS laksana proses jalan rosak kawas babit empat fasa

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari bersama isteri Datin Seri Masdiana Muhamad (tengah) bergambar bersama hadirin pada program Rumah Terbuka Jelajah Kita Selangor Aidilfitri Daerah Hulu Selangor di Padang Taman Awam Hulu Bernam, Hulu Selangor pada 29 April 2023. Foto MOHD YUSNI ARIFFIN/SELANGORKINI

PBT SELANGOR
MPHS sifatkan Jelajah Aidilfitri Hulu Selangor berjaya, himpun lebih 10,000 penduduk

© May 1, 2023 11:24

my Metro

MUTAKHIR

Serbu tapak projek ECRL ingkar notis henti kerja

Premis urut ingkar kena sita

Amirul Aiman Hamsuddin
am@hmetro.com.my





f **g** **x** **e**

Mohd Haris Fadli Mohd Fadzil
harisfadli@hmetro.com.my

39



DARIPADA ANDA UNTUK ANDA

LAPORAN ADUAN JANUARI - JUN 2023



JUMLAH ADUAN BAGI TAHUN 2023 (JANUARI - JUN)



SALURAN PENERIMAAN ADUAN



SISTEM SISPAA MPHS (JAN-JUN 2023)



PENERIMAAN DAN EDARAN (JAN-JUN 2023)

BULAN	TERIMA	ADUAN
JANUARI	279	368
FEBRUARI	347	432
MAC	363	456
APRIL	209	274
MEI	385	489
JUN	327	410
JUMLAH	3,091	2,429



PENERIMAAN ADUAN MENGIKUT JABATAN

MAJLIS / JABATAN	ADUAN	%
JABATAN KEJURUTERAAN	611	25.15
JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN PEMBERSIHAN AWAM	393	16.18
JABATAN LANDSKAP	372	15.31
JABATAN PENGUATKUASAAN	358	14.74
UNIT KAWALAN HAIWAN TERBIAR	254	10.46
AGENSI LUAR (KDEB, JKR, PDTHS, TM, IWK, AIR SELANGOR, JPS)	166	6.83
JABATAN BANGUNAN	118	4.86
BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)	55	2.26
JABATAN PERANCANG BANDAR	37	1.52
JABATAN PELESENAN	22	0.91
JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA	18	0.74
JABATAN PERBENDAHARAAN	10	0.41
JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT	7	0.29
MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR	4	0.16
UNIT INTEGRITI	2	0.08
JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN	2	0.08
JUMLAH	2,429	100.00



OPENERIMAAN ADUAN MENGIKUT KATEGORI

BUTIRAN	ADUAN	%
PENGUATKUSAAN	2	0.07
KEBERSIHAN PREMIS MAKANAN	5	0.17
PONDOK/STesen BAS/TEKSI	5	0.17
IKLAN	6	0.20
TADBIR URUS	8	0.26
PERUMAHAN	10	0.33
BIL CUKAI TAKSIRAN	21	0.69
HARTA PBT	34	1.12
BENCANA ALAM	35	1.16
TAMAN PERMAINAN/TAMAN RIADAH/TAMAN TASIK/DATARAN	35	1.16
HALANGAN AWAM	40	1.32
LESEN PERNIAGAAN	45	1.49
PENCEMARAN	46	1.52
PROJEK/TAPAK BINAAN	48	1.59
PENJAJA	68	2.25
TEMPAT LETAK KENDERAAN/PARKIR	143	4.72
BANGUNAN	174	5.75
JALAN	226	7.47
LAMPU	228	7.53
KEJIRANAN	245	8.09
HAIWAN/SERANGGA	437	14.44
POKOK	473	15.63
PEMBERSIHAN AWAM	693	22.89
JUMLAH	3,027	100.00



KATEGORI ADUAN TERTINGGI



PEMBERSIHAN AWAM **693** ADUAN

LONGKANG / PARIT	337
SAMPAH	262
RUMPUT/LALANG	70
SAPUAN/PEMBERSIHAN AWAM/ MOONSOON DRAIN/RETAINING WALL	24



POKOK **473** ADUAN

PERLU DITEBANG	179
MEMERLUKAN CANTASAN	155
KAC AUGANGGU POKOK JIRAN	73
TUMBANG	27
AKAR MEROSAKKAN STRUKTUR	19
SENGET / DAUN GUGUR/HALANGAN	17
POKOK TANAMAN TERBIAR	3



HAIWAN / SERANGGA **437** ADUAN


ANJING	323
KUCING	43
LEMBU/KAMBING/KERBAU	27
AYAM/ITIK/ANGSA	27
LAIN-LAIN	17

DARIPADA ANDA UNTUK ANDA

DIREKTORI



YANG DIPERTUA SETIAUSAHA, PENGARAH/KETUA JABATAN DAN AHLI-AHLI MAJLIS





MEKANISME SALURAN ADUAN APLIKASI iCLEAN SELANGOR

iClean Selangor membantu anda untuk melaporkan aduan berkenaan sampah secara langsung melalui telefon pintar anda.




019-375 9592
019-375 3980

019-274 2824

iclean@kdebwm.com

1-800-88-2824



Pendaftaran Mudah

Pendaftaran menjadi ahli baru adalah mudah dan pantas.



Lokasi Aduan

Setiap aduan akan mempunyai lokasi GPS untuk kami pastikan kesahihannya dengan lebih tepat.



Aduan Bergambar

Meningkatkan kesahihan geografi dengan menambah unsur-unsur imej ke atas peta.



Semakan Aduan

Anda boleh menyemak aduan anda melalui aplikasi mobile pada bila-bila masa. Status aduan akan dihantar sebagai notifikasi untuk makluman anda.



Lebih Cekap

Setiap Aduan yang kami terima akan dikategorikan secara automatik dan diutus kepada jabatan dan bahagian yang berkenaan dengan pantas. Aduan anda akan dapat kami segerakan tindakkannya.



Maklum Balas Awal

Anda akan diberikan maklum balas sejurus selepas aduan anda diterima. Sebarang maklumat ke majuan akan dihantar kepada anda dengan kadar segera.

Muat-Turun Sekarang!

Download on the App Store

ANDROID APP ON Google play

* Hanya Taip "iClean Selangor" di ruangan carian.

Daftar

1. Klik pada ikon 'PENGGUNA BARU'
2. Masukkan NAMA, NAMA PROFIL dan NOMBOR KAD PENGENALAN anda dan tekan 'Seterusnya'
3. Masukkan ALAMAT, NOMBOR TELEFON, NO FAKS, E-MEL dan pilih PIHAK BERKUASA TEMPATAN anda dan tekan 'Seterusnya'
4. ID PENGGUNA anda akan ditetapkan. Masukkan KATALALUAN dan sahkan KATALALUAN anda. Teken 'Hantar'



MAJLIS PERBANDARAN HULU SELANGOR

Jalan Bukit Kerajaan, 44000 Kuala Kubu Bharu, Selangor Darul Ehsan.

Telefon : +603 6064 1331 | Faks : +603 6064 3991 | Aduan : aduan@mphs.gov.my